

**Bil. 8**

**Isnin  
7 April 1997**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

# KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

**USUL:**

- Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong  
Y.B. Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani)

(Ruangan 12)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.UN.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- Yang Berhormat      Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “                      Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “                      Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “                      Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “                      Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “                      Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “                      Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

- Yang Berhormat      Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “                      Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “                      Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “                      Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “                      Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “                      Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “                      Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “                      Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “                      Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “                      Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “                      Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “                      Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “                      Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “                      Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “                      Tuan Amihanzah bin Ahmad (Lipis)
- “                      Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “                      Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “                      Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “                      Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “                      Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “                      Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “                      Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “                      Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “                      Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “                      Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “                      Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)



Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

- Yang Berhormat      Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “                         Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “                         Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “                         Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “                         Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “                         Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K.,  
                            P.J.K. (Bagan Serai)
- “                         Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “                         Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “                         Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,  
                            S.P.M.S. (Gua Musang)
- “                         Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “                         Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “                         Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “                         Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “                         Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “                         Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “                         Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “                         Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “                         Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “                         Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “                         Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “                         Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “                         Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “                         Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “                         Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

- Yang Berhormat      Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “                           Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “                           Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “                           Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “                           Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “                           Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “                           Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “                           Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “                           Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “                           Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “                           Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “                           Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “                           Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “                           Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “                           Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “                           Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,  
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.  
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik  
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman  
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Jainah binti Sakimin  
Shamsina binti Janor  
Pembaca Pruf : Abu Bakar Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
Isnin, 7 April 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan  
Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**KAMALANGAN JALAN RAYA TAHUN 1995/  
1996 - JUMLAH**

1. Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau] minta Menteri Pengangkutan menjelaskan masalah kemalangan di jalan raya yang sedang ditangani oleh kementerian dengan bersungguh-sungguh; berapakah jumlah kemalangan jalan raya yang dilaporkan dalam tahun 1995 dan 1996. Berapa peratuskah kemalangan jalan raya yang berlaku di lebuhraya berbanding dengan penggunaannya dan berapa peratuskah kemalangan jalan raya yang berlaku di luar lebuhraya berbanding dengan jumlah penggunaannya. Adakah kementerian berpuas hati dengan pendekatan yang diambil bagi mengurangkan jumlah kemalangan di jalan raya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua;

- (i) untuk jawapan kepada soalan Yang Berhormat dari Arau, saya suka memaklumkan bahawa jumlah kemalangan jalan raya yang dilaporkan bagi tahun 1995 dan 1996 adalah seperti berikut:

Jumlah Kemalangan	1995	1996
Jalan raya (Selain Lebuhraya Utara Selatan)	156,415	181,381
Jumlah Kemalangan Di Lebuhraya Utara Selatan	6,076	7,278
Jumlah Kemalangan Keseluruhan	162,49	189,109

- (ii) Berhubung dengan peratusan kemalangan berbanding dengan jumlah penggunaannya,

jumlah kemalangan yang berlaku di Lebuhraya Utara-Selatan adalah 3.74% pada tahun 1995 dan 3.85% pada tahun 1996, berbanding dengan jumlah kemalangan di seluruh negara.

Jumlah kenderaan yang menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan adalah 7,621,522,757 pada tahun 1995 dan 8,796,791,987 buah pada tahun 1996.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat mulla kata 'milion' kemudian 'juta' bagaimana kedua-duanya ada pada satu angka?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** 'Milion'.

**Tuan Yang di-Pertua:** 'Milion - milion'lah, tidak ada 'juta'.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** 'Milion'. Fasal tulis ini dia tersangkut dua.

Bagaimanapun bagi jalan raya selain Lebuhraya Utara-Selatan, perangkaan jumlah kenderaan yang menggunakannya tidak dapat diperolehi. Ini adalah kerana untuk mendapatkan jumlah ini memerlukan bancian sepenuhnya iaitu 24 jam setiap hari untuk tempoh satu tahun. Bancian sedemikian memerlukan tenaga bancian yang ramai yang akan mengakibatkan kos yang tinggi.

Kementerian Pengangkutan memang tidak berpuas hati atas kemalangan jalan raya yang berlaku sekarang. Maka dengan itu segala usaha bagi menangani isu ini sedang dipertingkatkan.

Dalam menangani isu kemalangan jalan raya ini, pendekatan yang dilaksanakan sekarang ialah pendekatan 3P di mana secara amnya dilaksanakan di seluruh dunia. Pendekatan ini akan terus dilaksanakan iaitu:

(1) Pendidikan

Melalui kempen-kempen keselamatan jalan raya musim perayaan dan juga kempen pelbagai media, kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah, ceramah-ceramah dan pameran keselamatan jalan raya;

(2) Pendekatan Pengkejuruteraan.

Untuk memastikan bahawa jalan raya di negara ini sentiasa selamat untuk digunakan dan masalah-masalah jalan raya seperti kesesakan jalan, kawasan kemalangan dan kawasan berbahaya dikenalpasti dan usaha

membbaikinya dilaksanakan. Memastikan bahawa kemudahan-kemudahan seperti jejantas, siar pejalan kaki dan lintasan zebra untuk kegunaan pejalan kaki disediakan di mana perlu serta mengemaskini tanda-tanda jalan raya dari masa ke semasa; dan

(3) Penguatkuasaan

Akan terus dijalankan bagi memastikan pengguna-pengguna jalan raya khususnya pemandu-pemandu sentiasa mematuhi peraturan lalulintas jalan raya. 'Ops Pacak' yang telah menunjukkan hasil yang positif dalam mengurangkan kemalangan jalan raya akan terus dijalankan terutamanya pada musim-musim perayaan dan juga pada musim cuti persekolahan.

Saya suka juga memaklumkan bahawa mengikut rekod polis pagi tadi dalam Mesyuarat MKJR, jumlah kematian sehari pada 3 bulan pertama tahun ini turun 0.4%. Pada tahun lepas 17.2% orang sehari dan selama tiga bulan pada tahun ini turun kepada 16.8%. Nampaknya ada sedikit penurunan di kalangan kadar kematian. Kita harap angka ini dapat dipertahankan.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dalam soalan tambahan ini daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, khususnya mengenai pendekatan 3P yang dimaklumkan tadi.

Kita telah pun diberitahu bahawa bidang pendidikan telah dijalankan dengan begitu memuaskan dan juga daripada 'kejuruteraan' atau 'pengkejuruteraan' juga berjalan dengan lancar. Adakah pihak kementerian bercadang untuk lebih memberi tekanan kepada aspek yang ketiga iaitu penguatkuasaan agar pengguna-pengguna lebih berdisiplin di jalan raya?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan memang sentiasa ditekankan sebagai satu faktor yang boleh mendisiplinkan pengguna-pengguna jalan raya. Misalnya pada tahun lepas tidak kurang daripada 1 juta saman telah pun dikeluarkan oleh pihak polis dan juga JPJ. Namun demikian, kita melihat banyak lagi kes-kes kemalangan berlaku dan antara sebab yang selalu dikatakan adalah kerana kes-kes ini lambat sedikit dibicarakan, kerana itu kementerian telah pun menyediakan kertas untuk meminta supaya kes-kes kemalangan jalan raya khususnya yang melibatkan kematian dapat dibicarakan dalam

tempoh yang singkat. Manakala lesen pemandu yang terlibat perlu digantung dengan segera, tidak seperti undang-undang yang ada pada hari ini.

Kementerian berserta dengan polis, JPJ dan AG telah pun berbincang dan kita sedang merumuskan semoga dalam pindaan Akta Jalanraya yang akan datang supaya memberi ruang kepada Ketua Pengarah JPJ boleh merampas lesen-lesen mereka yang terlibat dalam kemalangan maut dan juga memberi cadangan supaya mahkamah juga boleh menahan lesen ini bermula dari kes ini disebut di mahkamah, tidak perlu menunggu sehingga kes selesai dihakimkan. Ini adalah antara cadangan yang sedang kita bincangkan pada ketika ini.

**Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, kita melihat berbagai-bagai cara Kementerian Pengangkutan dan juga polis mencuba untuk mengurangkan kemalangan di jalan raya. Dalam perjalanan saya balik ke Kedah, saya memang balik ke Kedah sentiasa menggunakan kereta. Jadi, saya lihat selalunya bila ada accident, orang semua 'slow' sahaja, orang takut. Bila ada satu accident habis semua orang takut.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pengangkutan tidak adakah rancangan supaya tiap-tiap 100 meter atau 200 meter bubuh kereta-kereta yang remuk ini, buat satu pentas dan tulis di situ 'Di sini 10 orang maut'. Jika orang tengok keadaan di tepi jalan, bila dilihat tiap-tiap 100 meter atau 200 meter dia nampak ada satu pentas, diletakkan kereta-kereta yang remuk ini agar dapat mengingatkan supaya dia memandu dengan slow.

Saya minta supaya kementerian membuat kajian sama ada perkara ini akan memberi kesan, sebab kita sudah cuba bermacam-macam pendidikan dan sebagainya tetapi kereta dipandu semakin laju - Proton Saga pun semakin deras. Saya memandu kereta Proton Saga, lari hampir 180 km. tetapi bila Menteri kata lari dekat 110 - 1 km. Jadi, saya hendak membuat cadangan supaya di setiap tepi jalan itu jarak di antara 100 meter atau 200 meter dipamerkan kereta-kereta yang accident ini - tulis di situ berapa orang maut dalam kemalangan ini.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kemalangan maut telah pun dicatit di papan-papan Kempen MKRJ di seluruh negara termasuk gambar. Tetapi nampaknya dia tidak berapa takut lagilah.

Bagi kes kereta remuk dipamer, saya fikir ini satu cadangan yang baik. Dahulu ada dibuat satu dua sahajalah, tetapi sekarang ini saya sudah tidak

nampak kereta itu lagi. Oleh itu kita bolehlah cadangkan balik pada kerajaan negeri untuk mengambil pandangan Yang Berhormat ini, mungkin kita boleh mulakan di Kedah - saya boleh lancarkan. Ini cadangan yang baik, tidak ada sebab kita tidak boleh cuba.

#### **RUMAH KOS RENDAH - CADANGAN KERAJAAN MEMBELI DARI PEMAJU SWASTA**

2. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada pengkajian mengenai cadangan kerajaan untuk membeli rumah-rumah kos rendah daripada pemaju swasta dan selepas itu menyewakannya kepada golongan berpendapatan rendah dan setinggan-setinggan telah pun selesai dan jika ya, apakah keputusan pengkajian tersebut.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan masih lagi mengkaji cadangan untuk membeli rumah-rumah kos rendah daripada pemaju swasta untuk disewakan kepada golongan berpendapatan rendah dan juga setinggan-setinggan. Oleh itu saya tidak dapat memaklumkan kepada Dewan ini keputusan pengkajian yang tersebut.

**Tuan Tan Kok Wai:** Sungguhpun rancangan ini belum ada ditetapkan, tetapi saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah ini bermakna bahawa kerajaan telah gagal dalam rancangan rumah kos rendah dan tidak bercadang untuk membina rumah kos rendah yang mencukupi untuk memenuhi hasrat mereka yang tidak berkemampuan untuk membeli rumah bukan kos rendah?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya pihak DAP menyokong saranan ini, kerana apabila kita membina rumah-rumah kos rendah terutama sekali di Kuala Lumpur, kalau di Gerik kita buat dan kita jual tidak menjadi masalah - banyak tanah lagi di Gerik, tetapi di kawasan Wilayah Persekutuan tanah sudah tidak ada. Kalau kita buat dan kita jual, akan sampai masanya apabila rumah-rumah kos rendah ini semuanya dipunyai oleh orang-orang kaya. Rumah kos rendah di Kuala Lumpur yang dibina dan dijual dengan harga RM25,000 sekarang ini harganya melambung hingga RM80,000-RM90,000 - bertukar tangan daripada orang miskin kepada orang kaya. Maka itulah sebabnya kerajaan sedang mengkaji, tetapi belum membuat keputusan, sama ada sesuai rumah-rumah ini dibina sama ada oleh

kerajaan ataupun dibina oleh swasta dan dibeli oleh kerajaan, kemudian disewakan kepada mereka yang berpendapatan rendah supaya rumah ini tidak terlepas tangan kepada mereka yang kaya.

**Dr. Tan Kee Kwong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kriteria-kriteria bagi seseorang menetapkan dirinya di rumah pangsa sementara tersebut juga mestilah realistik. Sebagai contoh rumah-rumah pangsa kos rendah di Jalan Jelatek, Kuala Lumpur boleh diduduki oleh sebuah keluarga hanya jika gabungan pendapatan kedua-dua ibu bapa keluarga itu tidak melebihi RM500 sebulan. Oleh kerana kriteria itu setinggan-setinggan memenuhi hanya suku daripada rumah-rumah pangsa di Jalan Jelatek. Adakah pihak kementerian menukar kriteria ini?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat dari Segambut kerana begitu prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh kementerian. Sebenarnya apabila kita membina lebih 400 buah unit di Jalan Jelatek, kalau mengikut kriteria lama RM750, hanya suku sahaja yang layak tinggal di rumah berkenaan. Maka pihak Dewan Bandaraya telah menaikkan tahap daripada RM750 kepada satu tahap yang lebih tinggi yang munasabah dan itupun saya mendapat tahu masih ada lagi kekosongan. Ini disebabkan oleh kerana apabila penghuni ini hendak masuk ke rumah yang berkenaan, pihak Dewan Bandaraya pergi check tiap-tiap rumah pada waktu malam. Kalau ada motokar ataupun van maka mereka ini dikira tidak layak. Jadi, yang mana mengisi borang secara tidak tepat ataupun tidak ikhlas, waktu malam apabila di 'check' ada kereta ataupun van, nama mereka dipotong balik. Maka itulah sebabnya sampai hari ini pun masih ada lagi kekosongan di rumah pangsa di Jalan Jelatek.

#### **UNDANG-UNDANG 'WORLD TRADE ORGANISATION' - KESAN**

3. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada:

- (a) negara kita sudah bersedia untuk menghadapi kesan dari undang-undang World Trade Organisation seperti Information Technology Agreement (ITA) dan Multilateral Investment Agreement (MIA); dan
- (b) negara-negara lain turut sependapat dengan Malaysia di dalam memperjuangkan hak yang lebih adil bagi negara-negara membangun.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Malaysia mendapat lebih banyak faedah dengan penyertaannya dalam World Trade Organisation (WTO), dengan izin.

Peraturan-peraturan WTO telah membolehkan perdagangan antarabangsa meningkat dan berkembang dengan pesat ke peringkat di mana menurut WTO Malaysia telah mencapai kedudukan sebagai negara perdagangan ke-19 di dunia pada tahun 1995.

Mengenai deklarasi Mengenai Barangan Teknologi Maklumat (ITA), dengan izin, ianya akan memberi faedah kepada negara kita kerana:

(i) Malaysia merupakan salah sebuah daripada negara pengeksport yang terbesar di dunia bagi barangan teknologi maklumat. Pada tahun 1995 eksport negara berjumlah RM98.7 ribu juta;

(ii) penghapusan tarif akan membantu Malaysia meningkatkan eksport barangan teknologi maklumat ke negara-negara yang kadar tarifnya masih tinggi, contohnya:

Kesatuan Eropah	-	14%
Amerika Syarikat	-	9.4%
Korea	-	5-23.6%
India	-	12-116.7%

Malaysia akan mendapat keistimewaan tarif sebagai peserta dalam ITA;

(iii) membantu Malaysia untuk memasuki pasaran-pasaran baru di negara-negara yang menyertai perjanjian ITA seperti Czech Republik, Estonia, India, Romania, Slovak Republik dan Turki;

(iv) sebagai sebuah negara yang tidak layak menikmati Skim Keutamaan Am (GSP) Amerika Syarikat, penurunan duti import akan meletakkan Malaysia pada kedudukan yang sama di pasaran tersebut berbanding dengan negara pengeksport yang masih menikmati skim GSP dan menerima keistimewaan tarif;

(v) dari segi liputan barangan, 65% daripada jumlah bidang barangan teknologi maklumat di Malaysia sudah pun tidak dikenakan duti import sebelum menyertai ITA.

Mengenai Perjanjian Pelbagaihalala Mengenai Pelaburan (MIA), ianya merupakan satu perjanjian yang sedang dirundingkan di antara negara-negara OECD dan bukannya di peringkat WTO. Apa yang telah dipersetujui di WTO hanyalah untuk menubuhkan sebuah kumpulan kecil bagi mengkaji hubungan kait di antara pelaburan dan perdagangan. Persetujuan yang jelas telah dicapai ialah rundingan baru diperlukan dan ianya mengambil kira objektif pembangunan negara-negara anggota.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya lain-lain negara membangun turut bersependapat dengan Malaysia di dalam memperjuangkan hak yang lebih adil bagi negara-negara membangun. Dalam hal ini, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara sedang membangun, khususnya Kumpulan 15 (G 15) berjaya bekerjasama untuk memastikan perhatian serius diberi terhadap isu-isu yang berkepentingan kepada negara-negara membangun.

Ini telah menguatkan lagi kedudukan Malaysia bagi menentang sebarang isu-isu yang tidak mendatangkan manfaat kepada Malaysia dan negara-negara membangun di peringkat antarabangsa, khususnya di WTO. Contohnya, persetujuan telah dapat dicapai dalam WTO bahawa Pertubuhan Buruh Sedunia (ILO) diakui sebagai badan utama yang berwibawa terhadap penggubalan dan pelaksanaan piawaian buruh. Ini bermakna isu piawaian buruh tidak harus lagi dipertimbangkan dalam WTO. Mengenai perolehan kerajaan, persetujuan juga dicapai supaya kajian hanya tertumpu kepada aspek terhadap ketelusan amalan perolehan kerajaan dengan mengambil kira dasar nasional negara-negara anggota.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan memandang ITA sebagai satu halangan atau setback kepada projek Multimedia Super Corridor atau sebagai satu insentif, satu stimulus kepada Multimedia Super Corridor dan kalau pada keseluruhannya ITA akan lebih berfaedah kepada negara Malaysia, kenapa Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengambil pendirian menentang ITA di mesyuarat WTO di Singapura pada bulan Disember?

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam syarat-syarat yang dikenakan di dalam ITA itu terbahagi kepada dua aspek. Aspek yang boleh mendapatkan faedah kepada Malaysia secara menyeluruh. Ada juga aspek-aspek yang negara kita masih berjuang supaya kita dapat syarat yang lebih baik. Itulah satu stand yang diambil oleh MITI.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini tentang jaminan pasaran yang akan dibuka di negara-negara yang besar ini. Saya hendak bertanya tentang kebimbangan masyarakat tempatan, ada desakan supaya mereka membuka pasaran tempatan. Sebagai contoh, baru-baru ini dalam akhbar ada satu kenyataan dibuat oleh Amerika dan Jepun dalam mesyuarat di Tokyo, mereka mendesak supaya Malaysia tidak memberi langsung kelebihan kepada barang-barang buatan tempatan. Kalau sekarang ini kerajaan memberikan keistimewaan kepada barang-barang tempatan, kalau mengikut pandangan mereka di bawah WTO bahawa nanti tidak akan ada keistimewaan langsung barang-barang buatan tempatan terpaksa juga kita bersaing terus dengan barang buatan dari luar negeri. Apakah kesan ini amat membimbangkan terutama kepada pengilang-pengilang tempatan? Saya minta sedikit penjelasan.

**Tuan Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia memang meneliti perkara ini dengan terperinci. Kepada barang-barangan yang tidak jadi masalah, kita menerima syarat-syarat WTO supaya import duti itu dikurangkan dari 0% sampai 5%. Kepada barang-barangan atau industri-industri yang strategik itu, kita letak di dalam satu senarai yang lain. Ini adalah satu perjuangan yang kerajaan sedang meneliti.

#### INDEKS HARGA KONSUMER - JENIS BARANGAN

4. **Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) apakah barangan yang dipertimbangkan dalam kiraan Indeks harga Konsumer (CPI - Consumer Price Index); dan
- (b) memandangkan wujudnya beza kos hidup di antara bandar-bandar utama dan kampung-kampung, adakah kementerian ini bercadang mengadakan CPI tempatan (localized CPI) supaya membayangkan kos hidup yang lebih tepat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam perkiraan Indeks Harga Pengguna (IHP), Jabatan Perangkaan Malaysia mengutip harga lebih kurang 430 barangan

yang diperolehi daripada 8,000 buah saluran runcit di 54 buah pekan di Semenanjung Malaysia. 1,100 saluran runcit di 12 pekan di Sabah dan 900 buah saluran runcit di 7 buah pekan di Sarawak. 430 barangan yang dinyatakan di atas dikategorikan kepada 9 kumpulan utama dan purata wajaran masing-masing mengikut perbelanjaan ditunjukkan juga seperti berikut:-

Kumpulan	Wajaran (%)
Makanan	34.9
Minuman dan tembakau	3.6
Pakaian dan kasut	3.6
Sewakasar, bahan api dan kuasa	21.1
Perabot, hiasan dalam, peralatan dan pengendalian rumah	5.6
Perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan	1.9
Pengangkutan dan perhubungan	17.9
Perkhidmatan rekreasi, hiburan, pelajaran dan kebudayaan	5.8
Pelbagai barang dan perkhidmatan	<u>5.6</u>
<b>Jumlah</b>	<b><u>100.0</u></b>

- (b) Buat masa ini Jabatan Perangkaan Malaysia hanya dapat mengira IHP bagi tiga kawasan besar, iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kerajaan akan mewujudkan IHP tempatan seperti di bandar-bandar utama dan seumpamanya seperti yang dicadangkan di masa hadapan jika didapati sesuai dan keadaan memerlukan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau kementerian tidak bercadang untuk mengadakan IHP di antara bandar dan kampung, saya ingin bertanya sama ada kementerian bercadang untuk mengadakan IHP di tiap-tiap negeri? Mungkin ia lebih dapat membayangkan kedudukan di tiap-tiap negeri. Pada hari ini nampaknya IHP yang sedia ada memang tidak dapat membayangkan kedudukan sara hidup pada hari ini. Jadi, adakah cadangan mengadakan satu IHP kedua untuk betul-betul membayangkan kedudukan pada masa kini?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mengadakan IHP di peringkat setiap negeri adalah dalam kajian. Untuk makluman Yang Berhormat, IHP baru sedang dibentuk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu untuk menggambarkan pencapaian inflasi sifar bagi golongan yang berpendapatan kurang iaitu RM1,500 sebulan atau kurang. Dengan itu, sebanyak 75 jenis barangan keperluan harian pun telah ditetapkan. Selepas penyediaan IHP baru ini maka Kerajaan Pusat akan membincang dan membuat pengumuman pada masa yang akan datang.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan sama ada kementerianya ingin memasukkan harga-harga perumahan dan kenderaan untuk membuat kiraan Indeks Harga Pengguna supaya membayangkan kos hidup yang semakin bertambah kerana 'bumbung' dan 'roda' itu sangat penting untuk pekerja-pekerja dan orang ramai pada hari yang moden ini?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menjawab soalan berkenaan IHP yang menyatakan bahawa 9 kumpulan utama telah dikategorikan untuk mewujudkan IHP. Jadi, ini termasuk sewa kasar atau rumah di mana tadi disebutkan oleh Yang Berhormat dan juga pengangkutan serta perhubungan.

#### SISTEM LAYAN DIRI DI STESEN MINYAK - SAMBUTAN

**5. Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) apakah reaksi orang ramai terhadap Sistem Layan Diri di Stesen Minyak di Lembah Klang; dan
- (b) sejauh manakah ia telah mengurangkan pengambilan pekerja pendatang asing.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, Sistem Layan Diri di stesen-stesen minyak di Lembah Klang telah dilaksanakan pada 1 Januari 1997. Di peringkat permulaan pelaksanaannya terdapat kekeliruan dan kesukaran kerana para pengguna belum biasa dan mahir menggunakan pam. Walau bagaimanapun, selepas beberapa minggu keadaan pulih seperti biasa kerana para pengguna telah dapat menyesuaikan keadaan dan mencari masa yang sesuai untuk mengisi minyak.

Tuan Yang di-Pertua, dari permintaan dan maklum balas yang diterima di sepanjang tempoh 3

bulan yang lepas, didapati secara keseluruhannya sistem layan diri di stesen-stesen minyak telah mendapat sambutan di luar dugaan. Sesetengah pengguna belum rasa lebih selesa dan dapat menjimatkan masa berbanding dengan amalan menunggu pembantu pam. Pada masa yang sama kementerian juga ada menerima surat daripada persatuan pengusaha-pengusaha stesen minyak di negeri-negeri lain yang meminta supaya perkhidmatan layan diri dilaksanakan pula di tempat mereka. Bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh, sehubungan dengan ini saya ingin menekankan di sini bahawa kejayaan sistem layan diri adalah banyak bergantung kepada hasil usaha dan kerjasama semua pihak, terutama sekali syarikat-syarikat minyak, pengusaha-pengusaha stesen dan para pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum sistem layan diri dilaksanakan pada 1 Januari 1997, sesebuah stesen minyak memerlukan antara 6 hingga 15 pekerja untuk menguruskan operasi stesen masing-masing bergantung kepada saiz, tempat dan jangka masa operasi stesen berkenaan. Oleh kerana kesemua stesen minyak di Lembah Klang menggunakan 100% pekerja asing, ini bermakna penggunaan tenaga pekerja asing di 500 buah stesen minyak di Lembah Klang dianggarkan kira-kira 6,000 orang. Apabila kerajaan memutuskan hanya 3 orang sahaja pekerja asing dibenarkan digunakan di stesen-stesen minyak, kesan dari pelaksanaan sistem layan diri, jumlah penggunaan pekerja asing di stesen-stesen minyak di Lembah Klang telah dapat dikurangkan sehingga 60%.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan cara layan diri di stesen minyak ini boleh menjimatkan perbelanjaan kepada tuan-tuan punya stesen minyak, sama ada kerajaan akan mencadangkan supaya stesen minyak memberi potongan harga atau lain-lain barang hadiah kepada pengguna-pengguna kerana ada keuntungan yang mereka dapat.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjayakan sistem layan diri di semua stesen minyak, pengguna adalah digalakkan mengambil bahagian menggunakan kaedah ini bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja. Oleh yang demikian, tidaklah ada cadangan untuk potongan kepada pengguna.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita dapati beberapa stesen petrol telah terlibat dalam aktiviti menjual petrol campur. Jadi, saya ingin minta Yang Berhormat

Setiausaha Parlimen menyatakan setakat ini berapakah stesen minyak telah dipastikan menjual minyak petrol campur dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soalan itu terkeluar daripada soalan asal. *[Ketawa]*

#### **PETAKLETAK KERETA BERMETER DI BANDARAYA KUALA LUMPUR - JUMLAH**

**6. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)** minta Perdana Menteri menyatakan pada masa ini berapakah jumlah bilangan petak letak kereta bermeter dipasang di seluruh Kuala Lumpur dan berapa pula yang akan ditarik balik sebagai satu cara untuk menyekat kenderaan dari memasuki Bandaraya. Berapakah dan namakan syarikat swasta yang dilantik mengendalikan tempat letak kereta bermeter dan jumlah tunggakan hutang sewa yang belum dibayar sehingga kini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat 10,295 petak letak kereta di seluruh Kuala Lumpur dan sejumlah 1,500 petak letak kereta bermeter telah dimansuhkan sebagai salah satu cara untuk menyekat kenderaan memasuki Bandaraya.

Tiga syarikat swasta yang mengendalikan tempat letak kereta bermeter pada masa ini, iaitu:-

- (i) Satupadu Sdn. Bhd.;
- (ii) Saripati (M) Sdn. Bhd.; dan
- (iii) Asas Budiman Sistem Sdn. Bhd.

Tunggakan sewa yang belum dibayar sehingga bulan Februari berjumlah RM110,524.64.

#### **INSTITUT KEMAHIRAN DAN LATIHAN KHUSUS UNTUK WANITA - PENUBUHAN**

**7. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sama ada kementeriannya akan menubuh sebuah institut kemahiran dan latihan untuk membekal kemahiran serta memberi latihan yang wajar kepada wanita-wanita yang terpilih bagi mengambil tempat sebagai pembuat dasar yang efektif dalam dewan, majlis, lembaga atau jawatankuasa.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian setakat ini belum bercadang

untuk menubuhkan institut kemahiran dan latihan khusus untuk wanita memandangkan program latihan yang boleh menepati tujuan sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, boleh dilaksanakan oleh agensi-agensi latihan yang sedia ada dengan perluasan skop latihan serta diprogramkan mengikut keperluan agensi-agensi tertentu.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memang sering bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi dalam melaksanakan kursus kepimpinan dan kemahiran dari masa ke semasa. Sebagai contoh, kementerian akan memulakan kursus kepimpinan politik khusus bagi wanita dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain dari itu, kementerian juga telah mengadakan beberapa program, bengkel dan latihan dalam bidang keusahawanan wanita dan kemahiran pengurusan.

#### **PRA-SYARAT MENJADI AHLI ASEAN - KOMITMEN MYANMAR**

**8. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)** minta Menteri Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh mana komitmen Myanmar terhadap pemulihan demokrasi dan hak asasi manusia di negara mereka sebagai pra-syarat menjadi ahli ASEAN.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 25 dari Yang Berhormat Tuan Lim Hock Seng pada tarikh hari ini juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan pendirian yang diamalkan oleh anggota-anggota ASEAN semenjak awal tahun 1990-an, Malaysia juga mengamalkan dasar perhubungan membina, dengan izinnya, constructive engagement, dengan Myanmar. Amalan ini telah pun mengakibatkan lebih keterbukaan di negara tersebut terutama sekali dari segi ekonomi dan perdagangan dan secara amnya telah membawa pembangunan kepada Myanmar. Ia juga telah menyebabkan terdapat lebih interaksi di antara pemimpin-pemimpin ASEAN dan pemimpin Myanmar. Kita percaya bahawa kerajaan Myanmar sedar akan pentingnya perubahan sewajarnya dilaksanakan ke arah mewujudkan keamanan, kestabilan dan kesejahteraan serantau.

Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat beberapa rakan dialog ASEAN dan juga pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) di negara-negara ASEAN yang telah menyuarakan rasa kurang senang terhadap kemasukan di Myanmar sebagai anggota ASEAN. Walau bagaimanapun, kriteria untuk Myanmar menyertai ASEAN adalah berdasarkan faktor lokasinya di dalam Asia Tenggara serta juga kemampuan dan kesediaan untuk menandatangani dan patuh kepada mana-mana perjanjian dan deklarasi ASEAN yang berkenaan. Jadi, hal ehwal dalaman negara bukan merupakan antara syarat-syarat yang ditentukan untuk menjadi anggota ASEAN.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa kemasukan Myanmar dalam ASEAN berdasarkan kepada lokasi. Bukankah benar bahawa kalau Afrika Selatan dalam masa mengamalkan polisi 'apartheid', kalau ia ada dalam rantau South East Asia, ia tidak akan masuk diterima masuk dalam ASEAN, menunjukkan bahawa hak asasi patut menjadi satu kriteria yang mustahak khasnya selepas Myanmar diterima sebagai pemerhati, keadaan hak asasi lebih sihat di mana seorang yang ada faks, yang ada internet menjadi seorang penjenayah sedangkan perlu bahawa ada dasar lebih terbuka sebelum Myanmar diterima sebagai ASEAN dan kenapa Malaysia menjadi juara (champion) untuk Myanmar masuk ASEAN?

**Datuk Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini banyaknya berasaskan kepada andaian oleh Yang Berhormat dan sejauh sampai kepada perkara 'apartheid' di Afrika Selatan. Apa yang penting di sini ialah Ahli Yang Berhormat perlu memahami, dalam usaha kita mengamalkan dasar perhubungan membina itu, memberikan satu forum untuk kita sentiasa berhubung lebih rapat dalam rantau ini dan juga seterusnya berusaha sama-sama menjaga kestabilan rantau ini dengan tujuan akhirnya sama-sama mempercayai bahawa pemimpin-pemimpin Myanmar akan terus dengan usaha mereka dan juga perjanjian mereka itu untuk mewujudkan keamanan, kestabilan dan juga menerusi memulih kembali kerajaan dan pemerintahan Myanmar itu. Pada masa kini kita nampak hasil-hasil usaha mereka ini menstabilkan kedudukan di negara itu dan seterusnya mewujudkan pembangunan ekonomi yang sangat menggalakkan dan juga menjalankan kegiatan ekonomi yang boleh dikatakan memberi nafas baru untuk rakyat di sana.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, tiga minggu lepas beberapa buah masjid dibakar di Myanmar akibat daripada seorang orang Islam melakukan jenayah. Pihak tertentu telah mengadakan satu rapat umum dan membakar beberapa buah masjid. Pihak Myanmar tidak mengambil tindakan yang keras kepada mereka yang membakar masjid. Apakah ini tidak menjadi hujah, menjadi pertimbangan kepada Kerajaan Malaysia untuk berusaha membawa masuk Myanmar sedangkan tekanan begitu kuat, diskriminasi khasnya kepada orang Islam termasuk pembakaran beberapa masjid tiga minggu lepas. Apakah perkara ini tidak diambil kira oleh Kerajaan Malaysia dalam membawa Myanmar ke ASEAN?

**Datuk Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita sentiasa mengambil kira mana-mana usaha dalam kita mengambil kemasukan Myanmar ini tetapi seperti yang saya katakan awal tadi, kalaulah kerajaan atau pemimpin Myanmar itu telah mengatakan ini usaha dalaman dan boleh ditadbir kerana mereka - kami penuh kepercayaan bahawa perkara ini adalah urusan dalaman, bukan menjadi satu kriteria untuk kita, telah saya katakan tadi menjadi syarat untuk ditentukan menjadi anggota ASEAN.

#### SAINTIS MALAYSIA DI LUAR NEGARA - CADANGAN KERAJAAN MEMANGGIL BALIK

9. **Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada kerajaan bercadang memanggil balik anak-anak Melayu yang menjadi saintis di luar negara dan adakah kerumitan kepada saintis-saintis ini untuk pulang ke negaranya sendiri dan berkhidmat dengan kerajaan di jabatan-jabatan tertentu.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan bercadang memanggil balik bukan sahaja anak-anak Melayu tetapi juga termasuk semua rakyat Malaysia yang menjadi saintis di luar negara untuk balik berkhidmat di Malaysia. Cadangan ini telah diumumkan melalui Skim Perlantikan Saintis Warganegara Malaysia di Luar Negeri dan Saintis Asing. Di bawah skim ini, kerajaan telah menggariskan beberapa kemudahan bagi memberikan faedah untuk mereka balik berkhidmat di Malaysia dan faedah-faedah yang ditawarkan itu adalah seperti berikut:-

- (i) tangga gaji;
- (ii) elaun;
- (iii) ganjaran;
- (iv) cuti;
- (v) tambang pergi balik;
- (vi) perubatan; dan
- (vii) insurans kemalangan.

Semenjak skim ini dilaksanakan, seramai 18 saintis telah dilantik dan dari jumlah ini, seramai 8 orang adalah terdiri daripada rakyat Malaysia dan 10 orang merupakan saintis asing. Kajian telah menunjukkan bahawa hampir semua anak bumiputera termasuk anak Melayu kita pulang ke Malaysia untuk bertugas dengan kerajaan mahupun dengan syarikat swasta setelah menamatkan pengajian mereka di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini masalah kerumitan yang dihadapi oleh saintis tersebut untuk pulang ke Malaysia tidaklah timbul memandangkan skim yang diperkenalkan itu memberi faedah-faedah yang begitu menggalakkan jika dibandingkan dengan kemudahan-kemudahan yang diterima oleh saintis tersebut ketika bertugas di setengah-setengah negara luar.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Dengan terlaksananya skim gaji yang baru kepada saintis Malaysia yang berada di luar negara untuk dibawa pulang ke negara kita, adakah skim tanggagaji mereka sebelum ini bagi saintis-saintis kita yang berada di dalam negara ketinggalan dan dengan adanya skim yang baru ini adakah mereka juga mendapat faedah yang sama rata dengan saintis yang dipanggil daripada luar negara dan mengapakah agaknya pada pendapat kementerian faktor yang menyebabkan saintis kita lebih minat bekerja di luar negara dari dalam negeri kita. Terima kasih.

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah perbezaan gaji atau elaun dan sebagainya tidak pernah timbul dari saintis-saintis yang sedang berkhidmat di dalam negeri. Jikalau ada, kementerian memang akan mengambil pertimbangan dengan sewajarnya. Terima kasih.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Adakah pihak kementerian membuat kajian berapa ramai sebenarnya ahli-ahli saintis dan juga pakar-pakar rakyat Malaysia ini yang sekarang ini

berada di luar negara dan berapa ramai di antara mereka ini yang telah meletak taraf kewarganegaraan?

**Datuk Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf oleh kerana saya tidak ada angka dengan saya di sini. Walau bagaimanapun, kementerian saya sedang berusaha untuk mendapat maklumat dengan kerjasama atau melalui kedutaan-kedutaan kita di luar negeri dan sedang dalam proses dan mungkin satu hari kita akan mendapat maklumat yang lebih lanjut atau terperinci mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

#### **KAYU BALAK - RASIONAL MEMBENARKAN PENGEKSPORTAN**

**10. Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:-

- (a) rasional membenarkan Negeri Sabah mengeksport kayu balak sedangkan lain negeri diharamkan langsung membuat demikian; dan
- (b) jumlah ses eksport yang telah dikutip oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan jumlah yang telah dibelanjakan mengikut tujuan asalnya. Sila nyatakan program-program utama yang telah dijalankan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seperti jawapan Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama pada 27hb. Mac 1997 mengenai perkara yang berkaitan, pengeksporan kayu balak dari Sabah adalah di dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Di samping itu, hasil eksport balak ini dapat membiayai pembangunan ekonomi dan sosial negeri. Dengan membenarkan pengeksporan balak yang bermutu tinggi mengikut kuantiti yang ditetapkan iaitu 2 juta meter padu setahun, dapatlah kerajaan mewujudkan dana untuk menjalankan aktiviti di atas.
- (b) Jumlah ses yang telah dipungut oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia untuk Majlis Kayu-kayan Malaysia (Malaysian Timber Council) dari Jun 1990 sehingga Februari 1997 ialah sebanyak RM629,773,348 manakala jumlah yang telah dibelanjakan ialah sebanyak RM193,703,786 dan program yang telah dijalankan oleh Malaysia Timber Council (MTC) setakat ini ialah:

- (i) memerangi Kempen Anti Kayu Tropika;
- (ii) membeli balak dari Sabah dan Sarawak untuk kegunaan industri kayu kayan tempatan;
- (iii) membuat promosi di Eropah bagi hasil keluaran kayu kayan dari Malaysia;
- (vi) membangun dan mengendalikan bersama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) pusat-pusat latihan kemahiran dalam bidang perkayuan di Kuala Berang, Terengganu, Olak Lempit, Selangor dan Penang Furniture Centre, Pulau Pinang;
- (v) memberi khidmat 'stockist' khususnya kayu getah untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana yang mengeluarkan perabot.

Jumlah kutipan ses dan perbelanjaan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia pula dari Januari 1991 sehingga Disember 1996 adalah pungutan sebanyak RM16.2 juta dan perbelanjaan sebanyak RM16.7 juta. Sementara program-program utama yang dilaksanakan oleh MTIB secara ringkas ialah untuk pemasaran, perancangan dan pembangunan, khidmat nasihat teknikal, penguatkuasaan, pelesenan dan pendaftaran dan pentadbiran. Secara terperinci, ini ada lima muka surat, jadi saya minta izin menjawab secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua: Ya.**

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebahagian daripada usaha Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia mengawal perindustrian atau industri ini, untuk memastikan bahawa hutan atau tapak di mana pokok-pokok yang ditebang adalah mengikut lunas undang-undang, apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa pembalakan tidak berlaku terlalu berleluasa sehingga hutan simpanan yang sepatutnya diwartakan dan juga dijagakan untuk selama-lamanya tetapi telah disalahgunakan sehingga ia dipotong secara haram, bolehkah berikan angka berapakah besarnya kawasan yang terlibat?

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah menetapkan catuan tebang tahunan (CTT) untuk negeri-negeri di Malaysia bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu catuan tebang

tahunan ini ditetapkan dengan tujuan untuk memastikan industri perhutanan di negara ini terus wujud serta berkembang dan seterusnya menyumbangkan pendapatan hasil kepada negara dan negeri secara berkekalan. Oleh itu catuan tebang tahunan (CTT) yang telah ditetapkan bagi Rancangan Malaysia Ketujuh ialah di Semenanjung Malaysia sebanyak 46,040 hektar, untuk Sarawak 170,000 hektar dan Sabah 60,000. Jadi, mana-mana negeri yang telah melebihi catuan tebang tahunan ini perlulah mengganti jumlah bilangan keluasan tanah yang telah melebihi CTT.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu usaha untuk memastikan bekalan kayu gergaji adalah mencukupi untuk menampung industri hiliran berasaskan kayu, adakah kementerian bercadang untuk mengeluarkan sebahagian ses sebagai subsidi kepada pengusaha menjalankan penanaman semula perhutanan atau estate plantation?

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada cadangan untuk menggunakan sebahagian levi eksport untuk tujuan tersebut.

#### KEHABISAN BORANG MASUK MAKTAB PERGURUAN DIPLOMA

**11. Tuan Richard Riot Jaem (Serian)** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan lebih ramai orang telah menunjukkan minat untuk memasuki profesion perguruan jelas terbukti bilamana "Borang Permohonan untuk Memasuki Maktab Perguruan Diploma" yang sepatutnya dapat diperolehi di Pejabat Pos Besar Kuching dari 20/1/1997, tetapi sudah habis dijual dan tidak boleh didapati lagi seawal-seawal 3/2/1997, apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk memastikan masalah ketiadaan borang tidak berlaku lagi.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan menjual borang permohonan Diploma Perguruan Malaysia di kaunter Pejabat Pos Kuching dan 9 buah lagi Pejabat Pos di semua bandar utama di Sarawak. Di Pejabat Pos Kuching, sebanyak 4,000 borang telah disediakan untuk dijual. Adalah tidak benar bahawa borang permohonan yang dijual di Pejabat Pos Kuching telah habis pada 20/1/97 kerana rekod jualan di Pejabat Pos berkenaan menunjukkan borang dijual sehingga 12/2/97 seperti jadual berikut:

<u>Tarikh</u>	<u>Jumlah Borang Dijual</u>
21/1/97	1,700
23/1/97	2,250
27/1/97	3,500
31/1/97	3,991
12/2/97	4,000

Sekiranya terdapat kekurangan dan stok telah habis, maka pihak Pejabat Pos akan membuat penyelarasan dengan Pejabat Pos lain di Sarawak iaitu dengan memindahkan baki borang yang belum dijual ke Pejabat Pos yang memerlukan. Langkah kementerian untuk meningkatkan keberkesanan jualan borang ialah dengan menambah agihan borang di semua pusat jualan di Sarawak khasnya di Kuching serta pusat jualan lain di seluruh Malaysia.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya jawapan itu dengan terperinci. Adakah Yang Berhormat pernah mempertimbangkan cara-cara yang lebih baik seperti yang dilakukan, misalnya, di United Kingdom, Canada, New Zealand, mengapa mereka tidak ada masalah sedemikian? Walhal di Malaysia sebelum ini pun kita tidak pernah dengar masalah borang tidak cukup dan masalah menjual borang di pejabat-pejabat Pos di seluruh negara. Apakah sebabnya pihak kementerian terpaksa menjual borang-borang seumpama ini di Pejabat Pos? Tidakkah cara yang lebih baik mungkin dijual terus daripada jabatan-jabatan Pendidikan, mungkin. Kalau hendak jualkan melalui Pejabat Pos, mengapa kita tidak memastikan tidak berlakunya penyelewengan dan sebagainya.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, kita fikir ini yang terbaiklah. Yang jadi masalah sedikit bukan apa, hari pertama itu berebut-rebut, itu sahaja. Jadi, borang itu lebih daripada cukup yang sebenarnya.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kerap kali kita dengar apabila borang-borang yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan ini untuk borang perguruan, selalu kita dengar borang ini tidak cukup, dan ramai peminat-peminatnya. Tetapi dalam masa yang sama kita juga sering dilaporkan bahawa Kementerian Pendidikan masih lagi kekurangan guru. Jadi, mengapakah perkara ini boleh berlaku? Pemohonnya ramai, tetapi gurunya masih lagi tidak cukup.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, yang ramai minta kadang-kadang syarat tidak berapa cukup. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Henrynus Amin.

*[Soalan No. 12 - Y.B. Tuan Henrynus Amin [Kinabalu] tidak hadir]*

#### PELABURAN MALAYSIA DI FILIPINA - JUMLAH

**13. Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah pelaburan Malaysia di negara Filipina; dan
- (b) sama ada kerajaan masih menggalakkan pelabur Malaysia melabur di Filipina membatalkan pembelian sebuah hotel 5 bintang oleh Renong Berhad melalui lelong umum.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Menurut Sistem Laporan Imbangan Pembayaran Berasaskan Tunai (Cash Balance of Payments Reporting System), pelaburan kasar Malaysia di Filipina berjumlah RM1.2 bilion untuk tempoh 1992 hingga 1996. Pada tahun 1996 sahaja pelaburan Malaysia di Filipina ialah sebanyak RM252 juta, iaitu 3.8% daripada jumlah pelaburan kasar Malaysia di luar negara pada tahun berkenaan. Pelaburan tertumpu terutamanya dalam projek perkilangan, pelancongan, telekomunikasi dan projek infrastruktur yang lain.
- (b) Kegagalan Syarikat Renong Bhd. untuk membeli Hotel Manila adalah disebabkan oleh dasar memberi keutamaan kepada rakyat Filipina seperti yang termaktub dalam Perlembagaan negara itu. Oleh itu, perkara ini tidak boleh dijadikan alasan oleh Kerajaan Malaysia untuk tidak menggalakkan pelabur kita melabur di Filipina.

Kerajaan akan terus menggalakkan pelaburan di luar negara dalam industri tertentu mempunyai rantaian yang kukuh dengan ekonomi Malaysia, terutamanya untuk memperluaskan pasaran eksport barangan dan perkhidmatan Malaysia; memindahkan teknologi dan pengetahuan ke Malaysia; dan untuk mendapatkan input yang diperlukan oleh syarikat di Malaysia.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah agensi-agensi kerajaan seperti FELDA, FELCRA ataupun Tabung Haji bercadang untuk melabur dengan membuka tanah di wilayah autonomi Islam Mindanau bagi membantu Profesor Nor Misuari mengikut dasar mempertahankan jiran seperti yang dianjurkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, pada akhir tahun lepas, (Disember 1996) Profesor Nor Misuari telah pun datang ke Malaysia bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga menteri-menteri dan Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar. Dalam perbincangan itu, pembukaan tanah ala-FELDA atau ala-FELCRA telah pun diajukan. Tabung Haji akan membuka tanah di sana.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita dapati bahawa terdapat gabungan-gabungan Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina serta East-Asean Growth Area (EAGA). Bagaimanakah Kerajaan Malaysia melihat kewujudan organisasi ini untuk dikerahkan di dalam pembangunan Filipina Selatan, khususnya di Dawau dan juga kawasan-kawasan sebagaimana yang disebutkan di bawah pimpinan Nor Misuari tadi?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, BIMP-EAGA telah pun menjalankan beberapa mesyuarat yang diketuai oleh Yang Berhormat Tun Daim sendiri. Dalam mesyuarat berkenaan kita akan cuba menolong Nor Misuari untuk membangunkan Filipina Selatan. Beberapa sektor telah pun dikenal pasti, iaitu sektor perikanan, pelancongan (agrotourism dan agritourism) dan projek pekilangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Pertanyaan Bagi Jawab Mulut selesai.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12, 14 hingga 50 dijilid dalam buku berasingan]*

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesembilan.” [3hb. April, 1997]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya meminta Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan menjawab.

3.35 ptg.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Diraja yang juga telah memberikan pandangan, teguran dan syor-syor terhadap tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat dari Jelutong, Tanjong, Keningau, Kota Melaka telah membangkitkan beberapa persoalan dan tuduhan berhubung peranan dan tanggungjawab Badan Pencegah Rasuah. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mempersoalkan mengapa begitu sukar untuk mengesahkan faktor yang diberikan oleh akhbar Brisbane Courier Mail dari Australia berhubung dengan pembelian sebidang tanah dengan sebuah rumah yang hampir siap dibina oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor di Australia. BPR telah pun mengambil beberapa langkah termasuk siasatan. Cuma yang diminta oleh Yang Berhormat dari Tanjong ialah ‘kertas putih’ dibentang di Parlimen mengenai hasil siasatan BPR.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sebagai seorang peguam tentu arif mengenai proses evidence stating di Australia juga dibenarkan, dan juga kes yang masih belum selesai di bawah bidang kuasa mahkamah di Australia. Jadi, oleh yang demikian kita tidak bercadang untuk membuat apa-apa tindakan lanjut sehingga kes diteruskan di Australia.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya kemukakan bukan mengenai kes di Brisbane, tetapi sama ada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Taib ada mengisytiharkan wang tunai lebih daripada RM2.4 bilion atau tidak isytiharkan, tetapi asal punca dan tujuan wang itu dan kekayaan luar biasa yang dilaporkan dalam Brisbane Courier Mail, bukan sahaja satu rumah yang dilaporkan RM2 juta, tetapi ada hartanah yang lain, semua lebih daripada RM10 juta dan juga di mana ada dilaporkan dalam buku yang baru 'Five Hundred Million Dollar Man', tentulah Yang Amat Berhormat ada baca. S.H.Alattas ada sebut RM16 juta alimony, settlement of divorce dengan Ku Yah yang menunjukkan bahawa adalah kekayaan luar biasa. Adakah ini disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah dan adakah benar ini menjadi benda untuk siasatan apabila BPR berjumpa Tan Sri Muhammad Taib pada Sabtu dua minggu lalu atau siasatan ini bukan kena-mengena dengan kes ini, tetapi dengan alienation beratus-ratus hektar hutan di Selangor kepada syarikat-syarikat yang tidak diketahui?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju kita buat atau menjatuhkan hukuman sebelum siasatan diselesaikan. Sepertimana yang saya jelaskan siasatan berhubung kes di Brisbane juga telah disiasat dan juga kes-kes yang lain tidak bersangkutan dengan kes di Brisbane juga dalam siasatan BPR. Kerajaan sekarang di peringkat akhir bercadang untuk meminda Akta Pencegah Rasuah. Beberapa pandangan yang dikemukakan termasuk kuasa kepada BPR merampas harta yang diperolehi secara tidak sah oleh rakyat Malaysia sedang diberikan pertimbangan dan diambil kira.

Mengenai kedudukan Malaysia dalam indeks persepsi rasuah.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah dalam pindaan-pindaan yang dikaji akan ada peruntukan-peruntukan di mana kalau sama ada pemimpin-pemimpin kerajaan atau pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang ada kekayaan yang luar biasa, ini dianggap sebagai kes *prima facie*, di mana orang-orang itu boleh didakwa dan beliau perlu

membuktikan bahawa kekayaan luar biasa yang tidak proportionate dengan gajinya, elahunya, mahu bukti semua datang daripada cara-cara yang sah dan burden of proofs atas beliau?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dalam peruntukan Akta Pencegah Rasuah yang sedia ada sekali pun sudah ada peruntukan yang membolehkan tindakan diambil terhadap kalangan yang didapati mempunyai kekayaan melebihi daripada sumber-sumber pendapatan yang sah. Cuma cadangan pindaan ini saya kira akan memperketatkan beberapa peruntukan yang dikira belum cukup kemas.

Mengenai kedudukan Malaysia dalam indeks persepsi rasuah antarabangsa jatuh dari kedudukan 23 kepada 26 dalam tahun 1996, kerajaan merasa kesal kerana sebahagian besar termasuk pihak media tersalah tafsir indeks ini dengan memberi gambaran seolah-olah keadaan rasuah di Malaysia lebih parah dari keadaan dahulu. Ini akan menyebabkan persepsi para peniaga institusi luar antarabangsa juga akan terus negatif. Sebenarnya kalau ditinjau dan dikira indeks ini mempunyai kekuatan sendiri pun, sebenarnya indeks ini menunjukkan kedudukan dari segi markah yang diperolehi telah lebih baik daripada keadaan sebelumnya dibandingkan dengan kedudukan 1995. Ini tidak bermakna kita tanpa mengambil kira indeks tersebut, kerajaan berpuas hati dengan kedudukan rasuah walaupun kecil ataupun tidak diberikan pertimbangan atau dihebah atau tidak, bukanlah menjadi ukuran kerana rasuah harus dibanteras tanpa mengira kedudukan dan persepsi.

Kerajaan minggu lalu umpamanya telah membincang kertas mengenai struktur jentera dan operasi Badan Pencegah Rasuah. Kabinet telah meneliti dan bersetuju supaya beberapa peruntukan pindaan perundangan diteliti semula, dan beberapa langkah tambahan sedang diambil dan dipersetujui supaya peruntukan kewangan, keanggotaan dan juga keberkesanan pelaksanaan Badan Pencegah Rasuah diberikan sokongan segera. Tindakan segera akan diambil oleh agensi-agensi yang terlibat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah kerajaan berpuas hati dengan kedudukan Malaysia dalam Indeks Transparency International mengenai persepsi rasuah tahun lalu ialah nombor 26 daripada 54 buah negara, atau adakah usaha untuk diambil untuk menambah baik kedudukan Malaysia dalam Indeks Transparency International tahun ini yang akan keluar dalam bulan Jun supaya orang ramai khususnya peniaga-peniaga antarabangsa boleh ada keyakinan bahawa

korupsi bukan satu masalah yang besar di mana tentu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri setuju bahawa kerajaan sendiri dalam satu kajian diadakan dengan peniaga-peniaga antarabangsa ada menunjukkan satu perkara keraguan besar mereka ialah mengenai kedudukan korupsi di Malaysia?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan dan mengulangi kenyataan Perdana Menteri sebelum ini berulang kali bahawa rasuah harus dibanteras. Kita tidak banteras berdasarkan persepsi atau laporan agensi-agensi atau indeks antarabangsa yang kita kira boleh dipertikai kebijaksanaan mereka kerana umumnya gambaran yang mereka beri itu lebih negatif kepada negara-negara berkembang, pada hal kita tahu kedudukan sebenar beberapa negara di Barat termasuk Eropah dan lain-lain negara. Tetapi tanpa mengambil kira persoalan tersebut langkah-langkah diambil sebab itulah BPR telah diperkukuh, undang-undang dipinda lagi. Jadi, soal puas hati dengan kedudukan rasuah betapa kecil sekali pun tidak berbangkit sama sekali, kerana kita merasakan perlu untuk meningkatkan usaha membanteras rasuah. Ini tidak bermakna keadaan rasuah sudah begitu parah kerana umumnya pandangan dan persepsi peniaga-peniaga antarabangsa masih melihat bahawa Malaysia masih jauh lebih baik dari banyak negara lain. Tetapi saya tidak mahu meneruskan soal polimik sama ada negara ini lebih baik dari negara lain, kerana komitmen kita membanteras rasuah itu tidak mengambil kira sama ada gambaran atau persepsi itu dibuat oleh orang dalam negeri atau luar negara.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada beliau sedar bahawa kerana kegagalan beliau sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet menentang penyelewengan tidak membawa apa-apa hasil sungguhpun menjadi Pengerusi begitu lama pun sedikit-sebanyak memberikan persepsi rasuah paling teruk di negara kita. Dan juga bahawa semua ahli pasukan wawasan Yang Amat Berhormat, termasuk Menteri Belia dan Sukan, sekarang Menteri Besar Selangor dan juga bekas Ketua Pemuda UMNO yang juga bekas Ketua Menteri Melaka. Tinggal satu sahaja yang tidak dikaitkan dengan rasuah. Bukankah ini bukti yang paling baik bahawa amalan rasuah di negara kita sekarang teruk sekali?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mempengerusi Jawatankuasa

Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan. Kertas yang diberikan pertimbangan oleh Kabinet mengenai pindaan kepada undang-undang BPR dan juga mengenai operasi dan bidang kuasa BPR adalah kertas yang telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Kabinet yang berkenaan. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan bukan jawatankuasa yang mempunyai kuasa bertindak. Ia hanya memperkemas soal pekeliling, peraturan dan mengambil kira semua laporan dan maklumat oleh masyarakat dan dikemukakan kepada agensi berkenaan. Kalau ada tuduhan yang disabitkan kepada mana-mana pegawai atau pemimpin, ia dirujuk kepada jabatan yang berkenaan. Bukan tugas jawatankuasa itu untuk membuat siasatan. Ini saya beri penjelasan.

Keduanya, saya tidak puas hati dengan gambaran yang diberi mengaitkan tokoh-tokoh tertentu walaupun siasatan belum diselesaikan atau tuduhan bersabit dengan mereka itu tidak diberikan dengan sebab yang kukuh. Jadi, saya rasa untuk gunakan Dewan ini untuk membuat kaitan ini adalah tidak adil, dan oleh itu tidak dapat kita layan seterusnya.

Berhubung dengan aduan NUTP kepada BPR berhubung pembelian komputer terpakai di sekolah-sekolah di Perak yang tidak dapat digunakan, saya ingin jelaskan bahawa BPR tidak menerima aduan rasmi dari NUTP. Walau bagaimanapun, perkara ini masih disiasat oleh BPR dan tidak munasabah bagi kita untuk membuat kenyataan seolah-olah perkara ini telah diketepikan sahaja baik oleh Kementerian Pendidikan ataupun NUTP.

Mengenai kes penswastan kenderaan kerajaan kepada Syarikat Angkatan Hebat Sdn. Bhd. yang dianggap merugikan, siasatan oleh BPR baru sahaja siap dan sedang diteliti oleh Ibu Pejabat BPR untuk menentukan tindakan. Begitu juga aduan yang diterima oleh BPR Melaka melalui surat 13hb. November 1995 berhubung kerosakan jalan raya yang baru dibina oleh Syarikat Merpati Indah. Siasatan telah selesai dan dirujuk kepada Pejabat Penolong Pendakwa Raya Melaka untuk kajian dan keputusan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya mengenai aduan yang dibuat oleh NUTP mengenai rasuah dan penyelewengan dalam pembelian komputer second-hand atau 'outdated'. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada berkata bahawa BPR dalam proses siasatan sungguhpun tidak terima laporan yang rasmi, kenapa BPR masih dalam proses siasatan sedangkan perkara ini sudah lebih

10 tahun, bagaimana BPR mengambil masa begitu lama. Bukankah ini menunjukkan lagi bahawa BPR ada tempat tidak ada berwibawa, tidak ada credible?

**Dato' Seri Anwar Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, ada satu kes yang tidak selesai tidak bermakna 'credible'. Sebab itu tadi, saya memang sambung penjelasan saya, ada dua kes yang lain sudah selesai di Melaka. Takkanlah pula itu tidak diambil kira. Dia dok sibuk fasal kes yang tidak selesai, kes yang selesai macam mana? Takkan tak beri tahniah kepada BPR kerana menyelesaikan dua kes yang berikut. Ya, sudah selesai, saya sudah sebutkan tadi - tak dengar! Ini yang kes dua syarikat di Melaka ini - selesai!

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, kerana saya yang membuat aduan, keterangan saya tidak diambil, tetapi tidak selesai, tidak ada tindakan diambil.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ya, kenyataan dari BPR ialah siasatan sudah siap oleh BPR dan kes yang kedua selesai dan dirujuk oleh Timbalan Pendakwa Raya - selesailah maknanya!

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada dakwaan! Ditutup sahaja, selesai - tutuplah. Bukan selesai dakwa, selesai tutup.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dia dakwa ini, kalau kes dia ini susah, kalau DAP perintah. Bagi dia, siasat mesti ambil tindakan. Siasat, ada kes yang bersabit, barulah dakwa dan soal dakwa itu bukan soal BPR lagi sepertimana yang diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Oleh yang demikian, saya kira pendakwaan pun ada, saya tidak bawa maklumat pada hari ini kerana tidak dibangkitkan hal itu, tetapi kes-kes yang telah didakwa oleh BPR cukup banyak. Tetapi, kita tidak juga nafikan bahawa masalahnya kian rumit, sebab itulah cara menyelesaikannya jangka panjang ialah memperkukuh jentera dan bidang kuasa BPR dan cara tindakan mereka menambah pegawai dan meminda undang-undang supaya cukup kemas dan memberikan kekuatan yang lebih kepada BPR.

Mengenai penggunaan teknologi elektronik dalam pengurusan mahkamah yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, sukacita saya memaklumkan bahawa satu cadangan ...

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat beri jalan atau tidak?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, daklah! Panjang ini, saya ada lima, enam perkara di sini dan banyak lagi menteri yang lain yang hendak menjawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak berjalan, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Kalau kes yang lain boleh.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** *[Bertutur dalam bahasa Cina] [Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bukan mengenai kes yang terperinci. Tadi Yang Amat Berhormat kata bahawa pendakwaan soal yang lain, bukan soal BPR. Bukankah ini satu masalah yang menimbulkan sama ada BPR berkesan atau tidak berkesan? Dahulu, apabila BPR ditubuh, yang pertamanya ACA ditubuh di bawah Yang Arif Harun Hashim, beliau ada kuasa untuk membuat keputusan sama ada dibuat pendakwaan atau tidak mahu buat prosecution dan bukan terserah kepada Peguam Negara. Akankah dalam kajian meminda Akta Pencegah Rasuah, bahawa perkara ini dikaji semula supaya BPR diberi kuasa untuk membuat keputusan sama ada mahu mengambil prosecution ataupun tidak mahu buat pendakwaan, supaya BPR boleh lebih berkesan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menganggap perkara itu terlalu relevan kerana ia terserah kepada maklumat dan data yang telah dikumpul oleh BPR dan prinsip pembahagian tugas agensi penyiasat dan yang mendakwa itu selalu diambil kira dalam peruntukan undang-undang dan Perlembagaan negara kita.

Jadi, saya tidak fikir ini sebagai satu masalah, kalau jenteranya cukup kuat dan bukti-bukti kukuh, kita tetap mengambil tindakan untuk mendakwa.

Merujuk sekali lagi kepada sistem maklumat undang-undang dan sistem pengurusan kes, telah pun dicadang dan di peringkat akhir diteliti oleh kerajaan. Dua komponen yang utama dalam projek ialah sistem rujukan maklumat undang-undang untuk kegunaan mahkamah, Peguam Negara, jabatan kerajaan, sistem pengurusan kes di mana pendaftaran, penjadualan dan juga merekodkan perjalanan perbicaraan di mahkamah dibuat dengan menggunakan komputer.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau seperti biasa membangkitkan isu pembangunan infrastruktur yang tidak seimbang di antara Semenanjung dan Sabah. Saya kira ini lagu lama, walaupun cuba

dengan rentak baru kerana sepertimana yang kita tahu, data-data cukup kuat untuk menunjukkan bahawa peruntukan termasuk dalam Rancangan Malaysia Ketujuh di mana Sabah dan Sarawak telah menerima peruntukan pembangunan masing-masing yang telah ditambah dan di antara yang tertinggi dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung. Ini tidak bermakna kita berikan keutamaan kepada mana-mana negeri, cuma pengakuan kita bahawa pembangunan di Sabah dan Sarawak itu harus diberikan perhatian khas.

Bahkan baru-baru ini bila kita bicarakan soal pertumbuhan kelas menengah termasuk kelas menengah bumiputera, kita fokus khas juga untuk perkembangan kelas menengah di Sabah dan di Sarawak. Di antara sebab kita terpaksa meningkatkan usaha ini ialah kerajaan yang lalu di Sabah tidak begitu banyak menumpukan perhatian dalam bidang pembangunan.

Perkhidmatan ....

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, kalau benarlah begitu banyak peruntukan yang dibawa ke negeri Sabah, mengapakah jalan-jalan raya daripada Beaufort pergi Sendumin, daripada Beaufort pergi ke Menumbuk selama ini sejak Malaysia ditubuhkan sehingga sekarang ini belum lagi dapat dilaksanakan. Adakah ini dalam pelaksanaan, tidak ada keseimbangan yang sebenar.

**Seorang Ahli:** Kamu dulu tidak bikin bah!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan ini dalam tindakan. Tetapi saya ingat, Keningau ini belajar daripada Tanjong, dia tidak ambil kes puluhan lain-lain jalan yang sudah disiapkan, dia cari satu yang tak siap juga. [Ketawa]

Cuba lihat bekalan elektriknya dan bekalan airnya, walaupun tidak mudah diselesaikan semua, tetapi peruntukan besar dan saya dapat jamin perkara itu kerana saya sendiri juga pergi untuk membantu menyejajarkan dan menyelesaikan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan perkhidmatan kerajaan on-line. Projek rintis kiosk transaksi elektronik yang akan dilaksanakan di Lembah Kelang pada September 1997 bertujuan untuk memudahkan orang awam berurusan dengan pihak kerajaan dengan mewujudkan satu kaedah perkhidmatan 24 jam bagi sesetengah urusan kerajaan dan memperkenalkan

satu kaedah pemberian perkhidmatan selaras dengan usaha ke arah 'kerajaan elektronik'.

Begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Tumpat, Senai, Klang yang membangkitkan soal pentadbiran elektronik dan juga Koridor Raya Multimedia. MAMPU dengan kerjasama daripada pihak INTAN telah merangka satu program menyeluruh untuk mewujudkan satu 'critical mass' penggunaan teknologi maklumat di kalangan penjawat awam sebagai penyediaan dan nadi penggerak kerajaan elektronik. Dijangkakan sekurang-kurangnya 130,000 penjawat awam akan dilatih melalui program tersebut. Seramai 35 orang pakar dari syarikat antarabangsa dan tempatan sedang berada di MAMPU untuk merealisasikan konsep kerajaan elektronik.

Pendedahan dan penerangan secukupnya melalui program dan 'road shows' yang dikendalikan oleh pihak MAMPU dan INTAN, dengan kerjasama agensi pusat lainnya, dilakukan bagi menimbulkan kesedaran penuh di kalangan pimpinan perkhidmatan awam berkenaan perubahan-perubahan yang akan berlaku.

Dari segi keselamatan, walaupun kita sedar hal ini masih juga diteliti oleh syarikat-syarikat komputer terkenal dan juga kerajaan-kerajaan di negara-negara industri, kerana menjamin maklumat agar terpelihara dan mengelakkan daripada pencerobohan. Jadi, undang-undang mengenai inskripsi dan lain-lain 'fire wall' sedang diambil tindakan dan pihak kerajaan, jawatankuasa-jawatankuasa termasuk, integrated information technology services, dengan izin, dan kajian keselamatan komputer sedang diselenggarakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukankah satu prasyarat untuk menjayakan 'electronic government' ialah supaya semua pegawai-pegawai tertinggi kerajaan fasih dalam IT komputer literate, tetapi sekarang bukannya benar bahawa adalah pegawai-pegawai tertinggi masih ramai tidak komputer literate, sama ada KSU atau 'head of departments' dan adakah satu usaha supaya semua mereka boleh menjadi role model, fasih dalam komputer IT literate sebagai satu langkah pertama untuk menjayakan electronic government?

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, ia mengambil sedikit masa terutama kita orang-orang lama ini untuk menyesuaikan dengan peralatan baru ini. Tetapi, sepertimana yang saya

tegaskan, kursus-kursus telah diadakan dan untuk ini selain daripada cadangan yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen, dengan kerjasama Yang di-Pertua dan Parlimen, kerajaan telah pun memperhebatkan usaha melatih pemimpin-pemimpin parti politik terutama usaha yang dibuat oleh kerajaan-kerajaan negeri sepertimana yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Perak dan akan diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melatih Wakil-wakil Rakyat untuk mendapat pendedahan yang cukup dalam bidang ini.

Tetapi untuk beberapa langkah segera, memperkenalkan sepertimana SPMKE itu telah pun menyebabkan ramai dari pegawai-pegawai atasan yang telah agak familier dengan komputer dan teknologi maklumat secara menyeluruh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah kerajaan rela untuk memberi satu projek khas atau program khas supaya semua Ahli-ahli Parlimen boleh dapat peluang boleh menjadi lebih IT literate?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada komen-komen yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen, saya ingat seramai 30, 40 orang yang membicarakan soal MSC dan IT, saya anggap semua sudah literate belaka! [Ketawa] Dan saya akan lihat nanti pandangan dan cadangan yang akan dikemukakan dalam panel yang akan disertai oleh semua Ahli-ahli Parlimen akhir bulan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan dan Bandau ingin mengetahui tentang pelaksanaan ISO 9000 sebagai menangani kelemahan perkhidmatan awam dan mampu meningkatkan imej perkhidmatan awam. Hal ini sedang dikendalikan oleh agensi kerajaan secara yang terancang.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan Kod Etika Perilaku ahli pentadbiran kerajaan yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada tahun 1995. Kerajaan telah mengulangkaji draf Kod Etika, tetapi sementara itu, peraturan sekarang masih berjalan iaitu anggota-anggota pentadbiran mengisytiharkan harta mereka terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Parlimen telah mengenal pasti kelemahan termasuk kekurangan kakitangan yang berkemampuan untuk memasukkan data-data dan maklumat, seperti Laporan *Hansard* dan akta-akta ke dalam homepage berkenaan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Yan mengenai tempat duduk Mufti semasa Istiadat

Pembukaan Penggal Parlimen, perkara ini telah diambil maklum dan akan diberikan pertimbangan.

Merujuk kepada hal-hal yang dibangkitkan untuk pertimbangan Kementerian Kewangan, saya ingin jelaskan bahawa defisit akaun semasaimbangan pembayaran negara yang dianggap besar oleh Ahli Yang Berhormat dari Keningau, sebenarnya kian menurun dan angka-angka terakhir lebih meyakinkan.

Kita lihat umpamanya, dari RM18.7 bilion pada tahun 1995 dan turun kepada RM13 bilion dalam tahun 1996 kerana langkah-langkah yang telah saya umumkan berulang kali. Kalau dihubungkan dengan projek-projek yang dianggap mega, terbesar, ini tidaklah tepat kerana kita terpaksa bertindak mengikut keupayaan dan perancangan kita. Ini termasuk KLIA, Siberjaya dan Universiti Multimedia, Projek Bakun dan kalau tidak diteruskan dengan Projek Bakun, kos urusniaga dalam negeri akan terlibat kerana bekalan elektrik yang dijangkakan akan menghadapi masalah pada tahun 2002 atau 2003.

**Tuan Lim Guan Eng:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka bangun, Yang Amat Berhormat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya bertanya Yang Amat Berhormat, sama ada akaun defisit semasa akan meningkat pada tahun hadapan kerana mengikut setengah-setengah laporan dari financial analyst daripada negara asing, unjuran yang dibuat adalah akan meningkat dan adakah ini bercanggah dengan apa yang diumumkan tadi oleh Yang Amat Berhormat.

Kedua, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Yang Amat Berhormat untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap BSKL yang menurun dengan begitu teruk sekali iaitu sebanyak 7% atau 87 mata KLCI dan hampir menghapuskan RM70 bilion dalam segi market capitalisation Syarikat BSKL kerana saya rasa itu satu perkara yang penting di mana atas pengumuman Bank Negara telah mengakibatkan perkara ini telah berlaku dan untuk makluman Yang Amat Berhormat, seorang dari pelabur saham telah membunuh diri semalam di Petaling Jaya kerana kerugian yang teruk yang dialami oleh beliau dalam BSKL ini. Ini satu perkara yang serius, bukan satu perkara yang tidak serius seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pertama, soal imbangan pembayaran. Imbangan pembayaran ini kalau kita lihat fakta dan data, tidak sama dengan apa yang dibuat oleh financial analyst, sebahagiannya. Kerana mereka akan mengambil kira semua peruntukan. Kalau kita kata Putrajaya semuanya RM20 bilion, jadi, dia buat perkiraan dua tahun ini RM20 bilion. KLIA dia kata RM20 bilion, walaupun kos sebenarnya tak sampai RM10 bilion. Jadi, diambil kira itu, jadi, dianggap import, diambil import, jadi unjuran yang dibuat itu tentulah besar importnya.

Tetapi kita yang mengambil langkah, kita buat apa yang disebutkan, tidak menimbulkan kesan longgok atau 'bunching effect' maknanya kalau Putrajaya yang patut jadual dilaksanakan pada tahun 1995, tahun ini baru take-off sedikit. Kalau KLIA walaupun disebut RM20 bilion, akhirnya dia RM9 bilion. Jadi, sebab itu angka yang dibuat dan ditentukan oleh agensi-agensi kerajaan itu lebih tepat daripada yang diunjurkan secara rambang oleh financial analyst.

Tentang kedudukan BSKL, ada perkembangan antarabangsa tentang kemungkinan kenaikan interest rate di Amerika Syarikat yang juga memberikan kesan dan juga langkah yang diambil oleh Bank Negara Malaysia. Kita harus tahu bahawa kekuatan sekali lagi agensi seperti Bank Negara itu ialah untuk mempunyai kebijaksanaan mengambil langkah-langkah awal, dengan izin, pre-emptive measures. Saya sedar bahawa kita harus mempertahankan kedudukan pasaran saham sebagai yang utama, tetapi kita ambil preemptive measures kerana kita tidak mahu Malaysia dilanda oleh 'glut' dalam bidang perumahan dan bangunan sepertimana yang dialami oleh banyak negara-negara yang lain, kerana ketidakupayaan kita kerana kekecohan politik dan kerana tidak tegaskan Agensi Pusat mengambil langkah yang disebut preemptive measures apabila ada tanda-tanda awal yang membimbangkan.

Di Malaysia umpamanya, pembangunan kita ini masih dianggap mampan tetapi kekuatan sekali lagi kebijaksanaan kita insya-Allah, ialah kerana kita mampu mengambil tindakan awal sebelum kita dapat petanda-petanda yang agak serius terlalu lambat untuk ia diperkawal.

Jadi, dalam keadaan yang dibuat oleh Bank Negara, maksudnya begitu walaupun saya telah minta supaya Bank Negara supaya memberikan penjelasan yang menyeluruh kepada institusi-institusi kewangan kerana bagi projek-projek yang telah pun diputuskan, yang telah diluluskan sepatutnya ia tidak

harus menimbulkan masalah kerana projek-projek ini boleh diteruskan. Kita tidak menghadapi masalah property glut sepertimana yang dihadapi oleh banyak negara.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong bangun.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Saya tidaklah dalam keupayaan untuk menyebut satu-persatu contoh yang berlaku di beberapa negara lain kerana tak mahu dengan maksud menyinggung kedudukan ekonomi negara-negara lain pula, tetapi saya juga ingin tegaskan bahawa pasaran saham ini telah berulang kali kita tekankan. Dalam keadaan dia melonjak naik, dia itu untuk meminjam pandangan salah seorang pakar 'irrational exuberance' - orang yang memikirkan keuntungan tanpa memikirkan risiko.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tahu bahawa, dengan izin, pengalaman genius seperti Isaac Newton dalam keadaan orang semua membeli saham dan sekali lagi 'irrational exuberance', seorang genius pun masih terperangkap dan akhirnya bankrap.

Oleh yang demikian, kita telah berulang kali, kerajaan dan agensi tidak boleh disalahkan kerana setiap ketika kita memberi ingatan pasaran saham bukan kasino, bukan untuk dijadikan medan dibuat spekulasi yang berlebihan.

Saya akui bahawa pengumuman dari Bank Negara itu telah menimbulkan sedikit kejutan, tetapi dengan beberapa penjelasan terutama hari ini oleh Bank Negara tentang langkah-langkah secara penjadualan yang dibuat, saya kira keadaan akan tenang kerana kalau ditanya: "Apakah pertimbangan kita dalam membuat apa-apa pelaburan?" Ia terikat dengan fundamental keseluruhannya, kekuatan politik negara, kedudukan dan keutuhan ekonomi negara dan keuntungan syarikat-syarikat. Dan ketiga-tiga faktor ini masih dapat kita pertahankan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, [Ketawa] Eh! Soalan tambahan, penjelasan, kerana dia melonjak terlalu banyak.

[Seorang Ahli: Tidur, mengigau.]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya mengakui, kita mesti mengambil langkah-langkah yang wajar sebelum kita menghadapi masalah seperti Jepun pada tahun 80 an dengan 'bubble economy'nya dan apa yang berlaku dengan Thailand baru-baru ini pun, kita mesti mengambil iktibar itu supaya kita tidak

mengulangi perkara itu, saya setuju. Saya setuju semua, tetapi, bolehkah Bank Negara lain kali, bila kita nak ambil langkah-langkah yang dapat mengejutkan pasaran-pasaran saham melakukan secara perlahan-lahan, jangan kita buat sekali gus. Dan kemudian kita ada akibat impact yang begitu besar sehingga kerugian berlaku.

Dan bukankah salah satu langkah lagi yang boleh kita ambil ialah untuk memperkuat keberkesanan Suruhanjaya Sekuriti dan badan-badan seumpamanya untuk melaksanakan dasar-dasar yang lebih baik untuk mengelakkan daripada berlakunya 'glut' hartanah dan sebagainya.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soal hartanah saya telah jelaskan tetapi soal peranan Suruhanjaya Sekuriti sepertimana kita tahu ada batasnya. Dia tidak boleh mempertikai keputusan pelabur untuk membeli saham atau menjual saham. Soal langkah Bank Negara itu saya fikir dengan penjelasan, perundingan pihak Bank, saya ingat perkara ini tidak terlalu mengejutkan. Walaupun saya ingin tekankan bahawa langkah-langkah itu langkah-langkah yang perlu, penjadualan juga perlu, pertimbangan terhadap komitmen yang telah dibuat juga harus diambil kira.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau tadi membangkitkan soal dasar inflasi sifar dan indeks harga pengguna yang menurut beliau meningkat. Angka-angka yang kita perolehi adalah di sebaliknya. Malaysia adalah satu negara yang menunjukkan ekonomi yang mampan dan dapat mengawal inflasi di tahap yang boleh diterima iaitu di bawah 4% dan ini masih kita pertahankan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Keningau bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan:** Memang kita tidak mempertikaikan tujuan untuk mengadakan kempen inflasi sifar ini, tetapi nampaknya di sebelah Sabah ini, walau macam mana ada kempen ini, harga-harga barang daripada barang-barang yang kecil ke barangan yang besar, semua meningkat. Adakah langkah-langkah dan tujuan untuk betul-betul mengurangkan ataupun mempertahankan kos yang lebih sederhana, lebih rendah daripada apa yang sedang berlaku sekarang ini.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kerajaan sedang mengambil langkah-langkah apa sahaja yang mungkin untuk mengurangkan kadar inflasi dan untuk Sabah kita akui purata lebih tinggi kerana IHP yang digunakan

itu ialah purata untuk seluruh negara. Tiada kawasan dan kota-kota yang mengalami masalah inflasi yang lebih serius daripada kawasan-kawasan yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan dengan izin, Total Factor Productivity (TFP), yang beliau menganggap terlalu rendah yang dianggap/dikutip oleh beliau dari analisa McKenzie, Bank Dunia yang saya cuba meneliti dari mana maklumat diperolehi, itu agak mengelirukan, kerana saya menggunakan kajian Michael Cossarest dari Kumpulan Wang Antarabangsa (IMF) dan kajian di Malaysia dibuat oleh Dr. Gan Wee Bing dan Dr. Soon Lee Ying. Dua kajian ini memberikan gambaran di sebaliknya kerana impressive. Tidak bermakna kita harus selesa tetapi kenyataannya ialah bahawa ia lebih impressive. Jadi yang mana Kota Melaka kutip, saya tak tahu. Dia kutip mana yang pelik-pelik kerana daripada maklumat yang kita dapat ini purata di Malaysia, total factor productivity Thailand 2.03, Malaysia 2, Indonesia 1.16, Filipina -0.78. Jadi TFP Malaysia adalah kedua tertinggi di negara-negara ASEAN. Ini telah ditekankan oleh kajian IMF oleh Dr. Michael Cosarrest. Apa yang dibuat oleh Dr. Gan dan Dr. Soon bagi 1990 - 1995 ialah 2.2%, jadi tak lari sangat di antara kajian tempatan dengan kajian yang dibuat oleh IMF.

Walau bagaimanapun, tanpa mengambil kira kedudukan kajian ini, kerajaan memang akui dan akan terus mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki prestasi dalam bidang produktiviti dan TFP.

Mengenai Perwaja yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya telah tekankan bahawa ianya masih dalam siasatan polis dan Badan Pencegah Rasuah. Kalau dikatakan bahawa BPR mengaku tidak mampu menyiasat kes ini adalah tidak benar, kerana pembayaran kepada Frilsham Enterprise Inc. Berhad dari Hong Kong sebanyak RM76.4 juta. Ini telahpun di rujuk oleh BPR dan mereka telah mengambil tindakan sehingga ke Hong Kong. Dan perundingan telah dibuat mengenai dengan pihak Maju untuk mengambil alih Syarikat Perwaja.

Mengenai Lawrance Lim yang dibangkitkan sebagai Lembaga Pengarah, Maju Holding, tidak benar. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif dan kerajaan telah mengarahkan pihak Maju supaya tidak melantik beliau sehingga selesai penyiasatan oleh BPR.

Mengenai tawaran Siemens yang dibangkitkan itu, tawaran kisah itu agak lama telah dibangkitkan

dan 5 syarikat atau kontrak yang telah diberikan itu mengambil kira spesifikasi, teknikal dan kos. Saya tidak fikir wajar bagi Ahli-ahli Yang Berhormat umpamanya menggunakan Parlimen untuk promot satu atau dua company. Dalam soalan di Parlimen kali ini menetapkan kita dalam keadaan yang sukar. Syarikat-syarikat yang kemukakan keterangan itu, puluhan syarikat, dan kalau ada 20, 5 dipilih, 15 ditolak, mengapa kita pilih untuk menonjolkan satu syarikat?. Mengapa tidak 15 yang lain?. Tapi kriteria yang kita gunakan itu bagi saya cukup telus ataupun transparent dan kita letakkan syarat-syarat dari segi kewangan, dari segi teknikal dan kemudian kerja-kerja sub-contract kepada syarikat tempatan dan juga kilang, syarat mendirikan kilang di Malaysia. Untuk memberikan gambaran bahawa ada perbezaan pendapat di antara Kementerian Kewangan dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, saya fikir tidaklah wajar dan ini hanya saya rasa, usaha yang agak sedikit nakal sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bangkitkan soal siasatan sekali lagi Lembaga Hasil Dalam Negeri mengenai harta Yang Berhormat, Menteri Besar Selangor. Saya ingin jelaskan, bahawa mengikut Akta Cukai Pendapatan Tahun 1967 seksyen 138, maklumat itu harus tunduk kepada peruntukan kerahsiaan. Jadi ini terpulang kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dan saya kira maklumat selanjutnya tidak wajar dan munasabah kita berikan.

Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah membangkitkan tentang KWSP.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli dari Kota Melaka bangun Yang Berhormat,

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Pertama ialah mengenai Perwaja. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan tawaran yang dibuat oleh Maju sama ada melalui Equal Concept Sdn. Bhd. ataupun melalui dirinya sendiri untuk mengambil alih Perwaja, memandangkan bahawa kerajaan sekarang untuk berbuat keputusan untuk menanggung semua hutang Perwaja. Apakah hutang Perwaja ini yang akan ditanggung oleh kerajaan, adakah setakat RM3 billion atau RM6 billion?.

Yang kedua mengenai Ericsson? Bolehkah Yang Amat Berhormat jelaskan kenyataan beliau sekarang dan kenyataan pada 92 iaitu 13hb. Mac 1992 dalam satu temu bual dengan, saya ingat Business Times, Yang Amat Berhormat telah menyatakan dengan izin,

Tuan Yang di-Pertua, bahawa keputusan memberikan tender adalah 'rational and transparent, there are no evidences of any malpractices' dan menjelaskan mengapa tawaran asal oleh Lembaga Pengarah Telekom kepada tiga syarikat iaitu bukan semua, yang akhirnya diputuskan adalah kerana mengikut istilah beliau yang dipakai pada 13hb. Mac. 1992.

Tiga syarikat pada masa itu yang dapat tawaran oleh Lembaga Pengarah Telekom ialah Alsthom, Nokia dan Fujitsu. Sementara yang ditolak oleh Yang Amat Berhormat kerana mengikutnya "it is not equal or irrational". Itu istilah yang digunakan dan dipakai oleh Yang Amat Berhormat sendiri. Bolehkah Yang Amat Berhormat menjelaskan percanggahan yang timbul sekarang dan juga apakah tindakan yang diambil oleh Yang Amat Berhormat ke atas Lembaga Pengarah Telekom kerana pada masa itu memberikan tawaran hanya kepada tiga syarikat yang beliau menggelarkan sebagai 'not equal or irrational'. Sekian.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dalam teori ilmu, 'half true is dangerous knowledge'. Ini dia kutip-kutip sana sini kemudian bawa teori dan detailnya pula pada tahun 1992. Saya tidak hafal semua kenyataan saya tapi yang saya ingat, dalam kes yang dibangkitkan dalam media antarabangsa mengenai kes tender telekom pada ketika itu di antara sebab saya batalkan ialah kerana tender itu pada peringkat awalnya adalah untuk 400,000 talian kemudian bila di 'award' atas cadangan Lembaga terus di jadikan 2,000,000 talian, di antara detailnya.

Jadi saya fikir kurang telus kurang transparent. Jadi kalau tender itu 2,000,000 line, 2,000,000 line. Kalau untuk 400,000 line, 400,000 line. Tapi bila akhirnya kita buat keputusan, untuk 5 saya bagi syarat sub-kontrak mesti dan dia mesti tubuhkan kilang pengeluaran sendiri, kalau tak salah saya 'switching lines'. Macam mana kata saya tak bersetuju dengan Menteri Tenaga, kerana dia tolong bagi maklumat. Okay.

Soal hutang Perwaja dan details mengenai Perwaja ini, saya ingat kita akan berikan maklumat yang lebih setelah selesai perundingan kerana ini di peringkat akhir perundingan. Kita tidak menyatakan bahawa semua hutang di tanggung dan sebagainya, masih di dalam pertimbangan tetapi tidak ada, tak mungkin kita swastakan kalau kita bebaskan syarikat itu mengambil alih segala hutang-piutang yang lama.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Bagan, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan potongan ini, saya sedang mengambil perhatian begitu juga tadi tentang Yang Berhormat dari Senai yang membangkitkan soal KWSP yang minta kita kaji semula peraturan yang telah dibuat. Mengenai sama ada Lembaga Hasil Dalam Negeri dapat menaksir cukai perniagaan "Courts Mammoth" memandangkan bahawa ianya adalah syarikat asing, yang beroperasi di negara ini, yang di bangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tumpat, saya ingin jelaskan bahawa syarikat ini memang didaftarkan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri atas nama "Courts Furnitures Sdn. Berhad" dan keuntungan yang dilaporkan di cukai sewajarnya. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kementerian Pengangkutan.

**Dato' Wira Mohd Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan, semasa mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Titah Ucapan DiRaja. Saya percaya keperihatinan yang Berhormat ke atas perkara yang di bawah kawal selia Kementerian Pengangkutan adalah suatu yang amat menggalakkan. Di sini izinkan saya memberi sedikit sebanyak penjelasan kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan.

#### **Kemalangan kapal terbang (pesawat udara).**

Mungkin disebabkan oleh kemalangan kapal terbang yang berlaku kebelakangan ini beberapa Ahli Yang Berhormat di dalam ucapan menyentuh secara langsung atau tidak langsung berhubung perkara ini. Yang Berhormat dari Beaufort ingin tahu punca sebenar kejadian seumpama ini, manakala Yang Berhormat Yan turut menyentuh kemalangan yang melibatkan Allahyarham Tan Sri Yahya dan isteri bersama juruterbang. Begitu juga Yang Berhormat Seputeh dan Kota Melaka turut menyentuh tentang perkara ini.

Mengenai punca sebenar kejadian-kejadian seperti ini, ianya bergantung kepada banyak faktor termasuk faktor "human error" dan "mechanical". Berhubung dengan kemalangan-kemalangan yang berlaku baru-baru ini, seperti mana yang dimaklumkan di Dewan yang mulia ini pada 25 Mac.

1997, penyiasatan menyeluruh nahas-nahas tersebut masih lagi berjalan. Bagaimanapun bagi kes helikopter Agusta yang digunakan oleh Allahyarham Tan Sri Yahya, kajian awal pada enjin oleh pembuat enjin iaitu Brad & Whitney yang telah dihantar kepada DCA, menunjukkan sebuah enjin terdedah kepada suhu yang tinggi dan sebuah enjin pula di set kepada kuasa rendah ataupun "engine at low power setting" dengan izin. Laporan keseluruhannya akan dapat diperolehi mungkin dalam tempoh dua bulan lagi.

Bagi kes-kes yang lain, ianya sedang disediakan laporan. Saya ingin juga mengambil kesempatan di sini untuk memperkatakan sedikit berhubung keselamatan penerbangan dan pesawat. Berhubung dengan keselamatan, ingin saya memaklumkan bahawa syarikat-syarikat penerbangan dan pemilik-pemilik pesawat persendirian di negara ini perlu mematuhi peraturan-peraturan penerbangan awam 1996 yang telah diperkenalkan oleh DCA.

Menurut peraturan ini, Jabatan Penerbangan Awam akan mengeluarkan perakuan pengendalian udara ataupun "air operators certificate" dengan izin, dan perakuan keselamatan terbang ataupun "certificate of air worthiness" kepada syarikat-syarikat penerbangan dan pemilik-pemilik pesawat persendirian yang mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Syarat-syarat ini termasuk yang berkaitan dengan "competency crew", alat kelengkapan rekod dan manual penerbangan.

Kapal terbang perlu diperiksa sekali dalam setiap tahun oleh DCA untuk memastikan kapal terbang ini selamat diterbangkan. Bagi Juruterbang pula, untuk juruterbang komersial, setiap juruterbang perlu menjalani pemeriksaan setiap 6 bulan sekali, manakala bagi juruterbang-juruterbang persendirian perlu menjalani pemeriksaan setiap tahun sekali oleh DCA ataupun oleh "Senior Captain" ataupun oleh "authorise examiner" manakala "authorise examiner" ini pula perlu menjalani pemeriksaan setiap 6 bulan sekali. Begitulah ketatnya peraturan-peraturan yang disediakan oleh DCA bagi memastikan supaya keselamatan penerbangan sentiasa terjamin.

Unit Inspektorat juga di tubuhkan pada tahun lepas tujuannya ialah untuk mengaudit syarikat kapal terbang supaya pilotnya sentiasa mendapat rehat yang cukup, keduanya Inspektorat ini juga menyemak manual supaya "update" pada setiap masa, dia juga menyemak "file operation", menyemak juga cuaca dan juga "field planning" bagi setiap syarikat. Saya juga ingin memaklumkan bahawa bagi juruterbang yang berumur 40 tahun

ke atas mereka perlu menjalani pemeriksaan perubatan setiap 6 bulan sekali. Dan bagi yang berumur 40 tahun ke bawah, setiap setahun sekali. Inilah antara perkara-perkara penting yang di tekankan oleh DCA bagi menjamin keselamatan udara di negara kita.

#### **Bayaran sewa bagi KLIA.**

Kementerian ini menyambut baik atas pandangan dan cadangan Yang Berhormat supaya kadar caj bagi lapangan-lapangan terbang khususnya KLIA yang akan beroperasi pada awal tahun 1998 adalah munasabah. Dalam hal ini, ingin saya memaklumkan bahawa kerajaan akan menentukan kadar caj dan sewaan yang akan dikenakan di KLIA bukan sahaja munasabah tetapi hendaklah dapat menarik syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa beroperasi di KLIA dan menjadikannya sebagai halt penerbangan di rantau ini.

#### **Tambahan Penerbangan ke Sibiu**

Perkara selanjutnya yang dibangkitkan ialah tambahan penerbangan ke Sibiu. Yang Berhormat telah meminta supaya penerbangan Malaysia memperbanyakkan penerbangan ke Sibiu dari Semenanjung Malaysia. Suka saya memaklumkan bahawa mulai 30hb. Mac 1997, MAS telah mengadakan dua penerbangan tambahan seminggu atas sektor Kuala Lumpur-Sibiu. Untuk makluman Yang Berhormat, tambahan dua penerbangan ini merupakan tambahan kapasiti sebanyak 28.6%. Sekarang 7 penerbangan seminggu, di tambah 2 menjadikan 9 penerbangan seminggu. Kesemuanya Boeing 737-500.

#### **Tambang Malaysian Airline**

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Cheras, ingin saya memaklumkan bahawa harga tambang adalah bergantung kepada jarak di antara dua tempat. Dalam hal ini jarak di antara Kuala Lumpur-Medan mengambil masa penerbangan selama 40 minit berbanding dengan jarak di antara Kuala Lumpur-Kota Kinabalu, di mana penerbangan mengambil masa lebih 2 jam. Memandangkan itu tambang di antara Kuala Lumpur-Medan sememangnya adalah lebih rendah berbanding dengan tambang di antara Kuala Lumpur-Kota Kinabalu.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Perjanjian.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Cheras bangun.

**Tuan Tan Kok Wai:** Penjelasan. Apa yang saya menyoalkan bukan tambang, tetapi kos pelancongan 4 hari ke Medan hanya di antara RM290-RM350, tetapi bagi tambang penerbangan sahaja tanpa pelancongan ke Kuching dan balik ialah RM500 lebih.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Apa yang saya sebutkan tadi itu Yang Berhormat bahawa Medan ini dekat hanya 40 minit berbanding dengan 2 jam, macam kita membawa kereta juga, kalau kita travel 40 minit tidak banyak menggunakan minyak, masa pun banyak selamat. Tetapi kalau kita memandu kereta 2 jam, minyaknya bertambah dan masa pun panjang, kerana itu ada beza ialah oleh kerana hotel di Medan murah, walaupun dicampur dengan kos tambang masih lagi rendah. Mungkin Yang Berhormat sudah lama tidak membuat matematik sudah terlupa sedikit cara mengira. *[Ketawa]*

#### **Perjanjian Udara Malaysia-Singapura**

Berhubung dengan perjanjian ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Jelevu, ingin saya memaklumkan bahawa adalah tidak tepat menyatakan bahawa Perjanjian Udara Malaysia-Singapura adalah berat sebelah.

Untuk makluman Yang Berhormat aturan hak trafik, di antara kedua-dua negara diadakan secara reciprocal dan saksama. Misalnya perjalanan Kuala Lumpur-Singapura, kalau untung sama untung, kalau rugi sama rugi. Tetapi ketika ini untung semualah.

#### **Pemandu Motosikal 'L' Lesen**

Ahli Yang Berhormat dari Jelevu juga turut meminta supaya dikaji semula cadangan JPJ untuk tidak membenarkan penunggang motosikal yang memegang lesen 'L' menunggang di jalan raya diambil perhatian. Cadangan ini sedang diteliti dengan mendalam.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Jelevu bangun.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Terima kasihlah di atas cadangan kementerian untuk

mengkaji dan meneliti cadangan yang diangkat oleh Jabatan Pengangkutan Jalan mengenai tidak membenarkan pelajar-pelajar yang memegang lesen Provisional Driving Licence (PDL), dengan izin ataupun lesen 'L' untuk memandu motosikal mereka di atas jalan raya. Apabila kenyataan ini dikeluarkan, maka berlakulah hiruk-pikuk di kawasan perkampungan. Jadi, adakah kementerian akan meneliti dan menilai cadangan ini? Saya ingat elok jugalah diambil pandangan daripada masyarakat di kawasan luar bandar yang terdiri daripada penoreh getah, pekebun-pekebun kecil dan penanam sayur. Jangan kita bandingkan dengan anak-anak muda yang mempunyai kemampuan bermotosikal besar ataupun bermotosikal yang berkuasa tinggi di dalam bandar.

Saya membawa rintihan rakyat ini kerana motosikal adalah merupakan nadi kepada mata pencarian mereka. Saya harap Yang Berhormat Dato' akan dapat mempertimbangkan perkara ini dan cadangan-cadangan berkenaan untuk diambilkira. Terima kasih.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, memang cadangan ini datangnya daripada JPJ dan JPJ masih lagi sedang menyediakan lagi cadangan ini untuk dihantar secara rasmi kepada kementerian dan jika kementerian terima, kita akan mengambil perkiraan kepentingan pengguna-pengguna jalan raya khususnya mereka yang berada di luar bandar seperti yang disebutkan tadi.

#### **Lintasan Kereta Api di Jalan Lahad**

Pihak KTM(B) menyokong pandangan Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah supaya diadakan jejambat bertingkat bagi menggantikan lintasan rata kereta api di Jalan Lahad. Sokongan ini adalah berdasarkan sebab-sebab sepertimana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut, tetapi juga memandangkan bahawa peningkatan laluan train di kawasan ini dijangka akan bertambah dengan pesatnya, sektor ini adalah satu sektor yang mempunyai potensi bagi penambahan train barang dan train penumpang. Dalam pada itu kerumitan yang akan dialami oleh pengguna-pengguna di jalan raya di lintasan laluan kereta api ini akan bertambah dengan adanya kerja-kerja pembaharuan landasan kereta api yang dirancangkan oleh pihak KTM(B) dan Kementerian Kerja Raya yang akan membuat lintasan ini. Kementerian Pengangkutan memang menyokong.

Perkara selanjutnya yang dibangkitkan adalah berkaitan kemalangan jalan raya yang melibatkan

golongan remaja. Berhubung dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Hulu Langat supaya dititikberatkan usaha bagi menangani kemalangan yang melibatkan golongan remaja, sukacita saya memaklumkan bahawa isu ini sememangnya diberikan perhatian yang serius oleh Kementerian Pengangkutan. Di antara usaha yang diambil ke arah ini termasuklah aspek-aspek berikut:

- (i) peningkatan pendidikan keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah;
- (ii) pengenalan Lesen Percubaan plet 'P' kenderaan dan menunggang motosikal di bawah mana pemilik lesen ini dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 2 tahun sebelum dibenarkan memohon lesen kompeten; dan
- (iii) peningkatan kempen-kempen keselamatan jalan raya khususnya terhadap penunggang dan pembonceng motosikal yang merupakan golongan yang paling terdedah kepada kemalangan jalan raya. Satu kempen besar di peringkat nasional akan diadakan untuk penunggang motosikal pada bulan Jun tahun ini.

Dalam pada itu Kementerian Pengangkutan juga akan mengambil makluman akan pendapat Ahli Yang Berhormat supaya penunggang motosikal dilarang menggunakan telefon bimbit dan merokok semasa bergerak di jalan raya. Pendapat ini akan dikaji sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri jawapan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan.

Sekiranya di antara persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dijawab dengan sejelasnya sebagaimana yang dikehendaki ataupun terlepas pandang - saya mengalu-alukan sekiranya ada rasa kurang puas hati kepada jawapan yang telah saya berikan dan memerlukan penjelasan lanjut, bolehlah menghubungi pihak saya ataupun di peringkat pegawai-pegawai di kementerian.

Kementerian berjanji segala persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kementerian Kerja Raya.

4.40 ptg.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara mengenai bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbincangan Usul Terima Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya akan menjawab atau memberikan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Keningau membangkitkan mengenai jalan raya yang rosak di negeri Sabah dan meminta Kerajaan Pusat memberikan tumpuan ke atas perkara ini agar jalan raya yang terlibat dapat diperbaiki dan dinaikkan taraf. Ahli Yang Berhormat dari Beaufort pula meminta Kerajaan Pusat menyediakan kemudahan infrastruktur yang mencukupi seperti jalan raya bagi membangunkan industri pelancongan di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk memperbaiki kerosakan kecil yang berlaku ke atas jalan-jalan Persekutuan ianya dibaiki dari masa ke semasa melalui program penyelenggaraan biasa tahunan. Untuk kerja-kerja pembaikan yang besar dan juga kerja-kerja menaikkan taraf jalan raya yang sedia ada ianya dimasukkan dalam projek pembangunan. Walau bagaimanapun, untuk jalan negeri, kerajaan negeri perlu mengambil langkah-langkah yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan Persekutuan memang sedar dan memberi keutamaan kepada pelaksanaan projek-projek infrastruktur terutama jalan-jalan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Negeri Sabah diberi peruntukan berjumlah RM801,050,000 iaitu negeri yang ketiga banyak selepas negeri Selangor dan negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah peruntukan tersebut kira-kira RM409 juta diuntukkan kepada 26 buah projek membaiki jalan, menaikkan taraf jalan raya yang sedia ada bagi keselesaan pengguna-pengguna jalan. Selain dari itu terdapat juga 12 buah projek pembinaan jalan raya yang baru dengan jumlah peruntukan kira-kira RM392 juta. Dengan adanya rangkaian jalan raya yang baik dan keadaan jalan raya yang selesa, adalah diharapkan ianya akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan aktiviti-aktiviti ekonomi, meningkatkan perdagangan, perusahaan,

pelancongan dan membuka kawasan-kawasan penempatan baru. Peruntukan tersebut dijangka akan bertambah apabila cadangan kenaikan siling peruntukan untuk beberapa projek dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan mengenai amalan rasuah di dalam pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan Ahli Yang Berhormat telah membuat aduan kepada Badan Pencegah Rasuah, kerajaan akan menunggu hasil siasatan Badan berkenaan sebelum tindakan lanjut akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Yan meminta agar pihak kerajaan mengkaji semula bekalan air ke negara Singapura ekoran kenyataan negatif ....

**Tuan Lim Guan Eng: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

**Dato' Seri S. Samy Vellu: Ya.**

**Tuan Lim Guan Eng: [Pembesar suara rosak]**

**Dato' Seri S. Samy Vellu: Tekan di sini - tidak boleh - tekan kuatlah.**

**Tuan Lim Guan Eng: Rosak!**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada kerosakan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng: Sila beritahu pihak berkenaan pembesar suara rosak.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Gunakan yang di sebelah, tempat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng: Tidak boleh, rosak juga.**

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Microphone pun marah!**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kena cakap kuat sedikit, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng: Saya kena 'teriak'.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.**

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta untuk membaiki sistem pembesar suara ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Saya tidak pandai, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab satu persoalan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, kita akan mengambil perhatian.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sungguhpun saya ada aduan-aduan tentang projek-projek jalan, bukan semua projek jalan yang saya buat aduan kepada BPR, kerana jika ada 100% projek jalan di Melaka, saya tidak membuat aduan kepada BPR semua projek itu. Oleh itu saya ada membangkitkan tiga projek besar di Bandaraya Melaka bernilai RM13.1 juta - 3 projek ini saya masih belum buat aduan rasuah kepada BPR kerana saya masih menunggu jawapan Menteri. Mengapa mereka lewat dan apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan ia tidak lewat dan tindakan kepada yang bertanggungjawab, kerana kesemua ketiga-tiga projek yang bernilai RM13.1 juta adalah dimiliki oleh JKR, diluluskan oleh JKR yang menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ada sedikit salah faham di atas soalan ini. Oleh kerana mula-mulanya kita ambilkira jikalau ada juga aduan-aduan telah dibuat kepada BPR, kita tunggu siasatan daripada mereka, tetapi Yang Berhormat dari Kota Melaka baru sahaja menjelaskan berkenaan dengan apakah tujuan beliau dalam ketiga-tiga jalan itu. Jadi, saya akan memberi jawapan secara bertulis pada hari esok.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perjanjian pembekalan air ke Singapura telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Johor dan Singapura pada tahun 1961, 1962 dan 1990. Perjanjian-perjanjian ini melibatkan pembekalan air mentah dari Johor ke Singapura dan Kerajaan Johor berhak membeli semula sebahagian dari air yang telah diproses dari Singapura. Tempoh kuatkuasa perjanjian tahun 1961 ialah sehingga tahun 2011, sementara perjanjian tahun 1962 ialah sehingga tahun 2061. Perjanjian tahun 1990 adalah merupakan perjanjian tambahan bagi pelaksanaan perjanjian tahun 1962.

Oleh yang demikian, sebarang kajian semula bagi perjanjian-perjanjian ini hanya akan dilakukan selepas tempoh kuatkuasa perjanjian-perjanjian tersebut ditamatkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, kerana semasa perjanjian ketiga, perjanjian air di antara Johor dan Singapura dimeteraikan iaitu pada tahun 1990, masa itulah krisis ketiadaan air berlaku di Melaka. Pada masa yang sama negeri Johor menandatangani perjanjian membekalkan air ke Singapura. Melaka juga ada menandatangani satu perjanjian membeli air daripada Johor, tetapi malangnya harga yang dibayar oleh negeri Melaka adalah dua kali ganda lebih tinggi daripada harga yang dibayar oleh Singapura kepada negeri Johor. Bolehkah perkara ini diselaraskan supaya air yang dibayar oleh warganegara kita sendiri, kalau tidak lebih murah sekurang-kurangnya setanding dengan harga yang dibayar oleh Singapura, jika tidak saya rasa negeri Johor menganaktirikan rakyat Malaysia dengan lebih mementingkan orang asing daripada rakyat watan di negeri Melaka.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham pada masa itu sahaja ada masalah di dalam negeri, walaupun kita berjanji untuk membekalkan air kepada Singapura. Tetapi ini ada sedikit perbezaan iaitu air yang Singapura minta daripada kita itu adalah air mentah, bukannya air yang bersih. Masalah yang dihadapi oleh Johor dan Melaka iaitu berkenaan dengan air yang sudah bersih. Satu.

Yang kedua, masalah kekurangan air di negeri Melaka. Oleh kerana mereka telah mengadakan perjanjian dengan Kerajaan Negeri Sembilan untuk membeli air tetapi terdapat juga banyak masalah berkenaan dengan pembekalan air. Jikalau ada juga kekurangan air di satu negeri, negeri yang lain akan menjual air. Oleh kerana itu Kerajaan Pusat telah mencadangkan untuk mengadakan satu badan di mana kajian boleh juga dilakukan untuk mendapat tahu mengenai punca air yang sedia ada. Macam manakah kita boleh membekalkan kepada negeri-negeri yang lain melalui satu 'retukulasi' am kepada seluruh negara. Tetapi banyak di antara negeri-negeri bila mereka menghadapi masalah, tidak bersetuju sebab itu saya suka menjelaskan kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka, walaupun

perkara ini kementerian sudah mengambil perhatian, sekarang saya akan membangkitkan balik kepada tiap-tiap kerajaan.

Minggu yang lalu saya mengarahkan kepada kementerian supaya ambil balik fail, kita akan bincang semula lagi dengan kerajaan-kerajaan untuk menunjukkan kepada mereka retikulasi am untuk negara ini ialah satu punca air yang penting untuk masa depan kita.

**Tuan Lim Guan Eng:** [*Pembesar suara tidak berfungsi*] Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Berbalik kepada soalan yang saya ingin menjelaskan, masa itu kejadian adalah di antara Melaka dan Johor. Rundingan ada dibuat dengan Negeri Sembilan tetapi tidak terlaksana, hanya membeli air daripada Johor. Saya mahu menjelaskan perkara ini kerana pada masa itu saya pun merupakan seorang mangsa 'ketiadaan air' dan saya ada meneliti kejadian itu. Air yang dibekalkan bukan air bersih, Tuan Yang di-Pertua. Air yang dibekalkan ialah air mentah, air di Sungai Muar, sama seperti air mentah yang dibekalkan kepada Singapura. Yang saya tidak faham, pada masa itu saya ada bertanya mengapa harga yang dijual oleh negeri Johor kepada Melaka adalah tiga kali ganda lebih tinggi daripada harga yang Johor jual kepada Singapura dan negeri Johor tidak mahu menjawab.

Oleh sebab itu, saya harap kalau boleh kita berunding balik perkara ini supaya rakyat Melaka tidak akan merasa tersisih sungguhpun kita semua rakyat Malaysia, tetapi nampaknya rakyat Singapura pula atau orang asing mendapat kepentingan atau manfaat yang lebih baik daripada rakyat di Melaka. Oleh sebab itu, saya harap ketidakadilan ini bolehlah diberhentikan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya perkara itu saya kena rujuk balik untuk mendapat lebih keterangan berkenaan dengan perkara itu. Walau bagaimanapun, saya suka mengumumkan bahawa Kerajaan Pusat telah memberi nasihat kepada Kerajaan Johor untuk mendapat punca air sendiri, janganlah kita tunggu-menunggu untuk air daripada Singapura. Itu adalah satu arahan baru. Saya percaya tidak lama lagi air di negeri Johor pun boleh juga dikatakan self-sufficiency tidak lama lagi.

Walaupun bagaimanapun, ada juga satu lagi kajian sedang dijalankan di antara negeri Pahang dengan Johor di mana negeri Pahang akan membekalkan air mentah kepada negeri Johor. Satu kajian sedang dijalankan atas arahan Kerajaan Pusat di beberapa

negeri sekarang. Jikalau kita dapat keputusan atau laporan daripada pakar perunding itu, saya percaya perkara ini boleh dapat diselesaikan.

**Tuan Lim Hock Seng:** [*Pembesar suara tidak berfungsi*] Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit dari Menteri Kerja Raya. Saya ambil peluang ini untuk bertanya, pada masa ini Pihak Berkuasa Air (PBA) di Pulau Pinang.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Boleh gunakan pembesar suara di barisan belakang. Sila.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya ambil kesempatan ini untuk bertanya sedikit pandangan dari Menteri Kerja Raya. Pada masa ini Pihak Berkuasa Air, satu badan air Pulau Pinang, telah mendapat keuntungan lebih kurang RM20 juta satu tahun dan ada ura-ura berkata ia akan diperbadankan dan kemudian ia akan diswastakan. Saya mintalah pandangan dari Yang Berhormat Menteri sama ada wajar satu badan yang prestasinya cukup baik, cukup memuaskan boleh membawa keuntungan kepada kerajaan tetapi ada orang telah pandang-pandang hendak mendapat penswastakan ini. Apakah pendapat Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Bila ada buah-buahan di atas pokok sahaja orang buang batu. [*Ketawa*] Jikalau tidak ada buah, orang tidak baling batu lagi. Macam itulah apabila mereka nampak ada juga keuntungan yang besar daripada badan-badan seperti itu, ada juga banyak orang suka mendapat penswastakan projek-projek. Walau bagaimanapun, berkenaan dengan keputusan untuk menswasta atau tidak ke atas projek-projek bekalan air itu diletak dalam kuasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Walaupun bagaimanapun, oleh sebab Yang Berhormat sudah bangkitkan perkara ini, saya akan minta JKR untuk mendapat pandangan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengapakah badan itu diswastakan dan bilakah serta manakah pihak yang akan minta untuk mendapat penswastakan? Walau bagaimanapun, daripada arahan Kerajaan Pusat, jikalau ada juga kerajaan-kerajaan suka menswastakan mana-mana badan kerajaan, mereka mesti merujuk perkara itu kepada Unit Perancang Ekonomi sebelum mereka buat apa-apa keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seremban membangkitkan mengenai jalan dari Kajang ke Seremban termasuk jalan lama akan dikenakan tol. Beliau berharap jalan alternatif tanpa tol harus disediakan untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penswastaaan Jalan Kajang-Seremban yang sedang dalam perundingan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri tidak melibatkan Jalan Persekutuan I dari Kajang ke Seremban. Oleh yang demikian, Jalan Persekutuan I ini adalah merupakan jalan alternatif kepada jalan tol Kajang-Seremban.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Seputeh membangkitkan mengenai tiada kerja-kerja membaiki dan menaikkan taraf Jalan Cheras dan Jalan Kuching. Beliau juga membangkitkan mengenai keputusan kerajaan meneruskan kutipan tol di Jalan Kuching. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan bahawa tiada kerja-kerja membaiki dan menaikkan taraf Jalan Cheras dan Jalan Kuching adalah tidak tepat.

Berhubung dengan kutipan tol di Jalan Cheras, saya ingin menerangkan bahawa ianya tergolong di bawah skim penswastaaan beberapa jalan dan jejambat di Kuala Lumpur yang dijalankan oleh Metramac Corporation (M) Sdn. Bhd. Di antara skop kerja di bawah konsesi Metramac ialah pelaburan dan naiktaraf Jalan Cheras dari Kilometer 5.5 ke Kilometer 8 dan juga pembinaan jalan-jalan alternatif dari Taman Cantik ke Jalan Kuari dan dari Taman Connaught ke Bandar Tun Razak. Sebagai balasan, kerajaan telah bersetuju membenarkan Metramac mengutip tol di Jalan Cheras. Tempoh konsesi di Jalan Cheras ialah selama 12 tahun iaitu mulai daripada 15.9.1991 sehingga 14.9.2003.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Pembesar suara tidak berfungsi] Tuan Yang di-Pertua, sistem angin dan sistem PA.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, kalau nak pakai pembesar suara di sebelah belakang, boleh.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mungkin tanpa PA system pun kita boleh berbincang. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan mengenai jalan alternatif, tetapi pada dua, tiga minggu yang lepas Yang Berhormat Menteri kata, ini ada diperbincangkan jalan alternatif pun akan dikenakan tol. Kalau itulah mungkin keputusan dibuat, apa gunanya kita buat jalan alternatif kerana akan

ditolkan juga. Apakah keputusan yang telah diambil kerana sebutan 'jalan alternatif' sekarang ini sangat mengecewakan?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, tiga minggu yang lalu ada juga soalan-soalan kepada saya berkenaan jalan alternatif di antara Kuala Lumpur ke Seremban, bukan sahaja Kajang ke Seremban. Sebahagian dari jalan itu, dari Cheras Batu 6 ke Batu 13 sudah diswastakan, di sana tidak ada pilihan yang lain, tidak ada jalan alternatif, tetapi jalan alternatif diberi daripada Kajang ke Seremban di mana aliran-aliran itu baru, bukannya aliran lama. Jadi, apabila saya jawab kepada media massa, saya kata, jikalau ada juga jalan-jalan di mana kerajaan tidak ada pilihan yang lain, di sana walaupun kita melaksanakan projek, kita mesti kenakan tol, tetapi perkara ini media massa tidak ambil kira. Dua hari dia benar-benar tembak kepada saya, dia ambil dua muka, tiga muka, marah, tetapi saya tidak jawab oleh kerana bukan salah saya, saya tidak buat salah, saya sudah beri penjelasan. Jikalau dia salah erti, itu bukan salah saya. [Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. [Pembesar suara berfungsi] Ha, dah baik sekarang. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada baca kenyataan itu tetapi nampaknya yang dicatatkan di dalam *The New Straits Times* itu yang menyebutkan kenyataan Yang Berhormat, dan di dalam kenyataan itu benar-benar menunjukkan kerajaan akan mengenakan tol di jalan-jalan alternatif - itu yang disebutkan. Tetapi yang saya tidak ternampak, kecuali mengatakan akhbar tidak betul, tetapi saya nampak Yang Berhormat sendiri tidak buat penafian yang tepat apa yang sebenarnya yang disebutkan oleh Yang Berhormat, kerana kalau kita membaca sekali imbas, kita tahu inilah yang dimaksudkannya. Mungkin Yang Berhormat buat satu latihan dahulu sebelum kita berjumpa dengan pihak akhbar, mungkin kita boleh dialog dahulu?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Masa akan datang kita boleh dialoglah atas semua projek. Walau bagaimanapun, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar kata pada satu hari nanti di seluruh negara apabila sahaja kita menaikkan taraf, kita membenarkan jalan baru, barangkali kita tidak dapat alternatif satu hari

nanti. Saya bukan kata Jalan Seremban atau Jalan Kajang ke Kuala Lumpur. Yang Berhormat boleh mengambil perhatian. Perkara mengambil balik tanah bukanlah satu perkara yang mudah, tetapi harga yang paling besar. Apabila sahaja kita mengumumkan kita akan membina satu jalan baru, dengan serta-merta sahaja mereka tukar syarat tanah itu, dia cakap, 'ha, ini tanah saya'. Berapa? RM150,000 seekor walaupun tanah itu nilainya RM15,000 sahaja satu ekar. Jadi, kita menghadapi banyak masalah, Yang Berhormat. Saya percaya dengan sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita boleh juga memperbaiki keadaan jalan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tumpat bangun.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam seluruh dunia ini Malaysialah yang paling banyak tol, barangkali tol. Kalau harga barang itu ada ketikanya naik dan ada ketikanya turun. Harga tol ini kemungkinankah pada satu masa akan datang akan turun? Itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, apakah kemungkinan 50 tahun akan datang tol sudah tidak ada lagi di Malaysia ini? Apakah ada cita-cita kerajaan untuk berbuat demikian?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya percaya pada masa akan datang tidak ada tol, tetapi dalam tempoh 12 atau 18 tahun tol Utara-Selatan boleh selesai dan ada juga banyak tol akan selesai dalam tempoh 20 tahun, 22 tahun, 25 tahun. Walaupun kita akan menyelesaikan perkara ini, tetapi ada juga jalan-jalan baru.

Satu lagi perkara yang Ahli Yang Berhormat minta tadi, di sini sahaja tol yang lebih telah diperkenalkan kepada rakyat jelata, betulkah? Bukan. Tol yang paling tinggi ialah di Jepun. Yang paling murah ialah di Malaysia. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Makan nasi di Jepun pun mahal. Harga makanan di Jepun itu mahal.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak bertanya, kalau pada satu masa yang akan datang tidak ada jalan alternatif yang percuma, adakah pihak kementerian juga

bersetuju bahawa kerajaan patut menghapuskan cukai jalan yang sekarang dikutip daripada semua pemilik kenderaan, kalau kita hendak memenuhi keadilan?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya tidak boleh memberi komen atas perkara itu oleh kerana itu terletak dalam tangan sahabat saya Menteri Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tol di Jalan Kuching, saya ingin memaklumkan bahawa jumlah kutipan tol yang telah dipungut untuk 9 tahun berakhir pada 7 Januari 1996 ialah sebanyak RM170,419,495.04. Mengikut perjanjian kontrak yang telah ditandatangani pada 15 April 1985, tempoh konsesi asal bagi projek penswastan tol Jalan Kuching ialah 9 tahun dan sepatutnya tamat pada 7 Januari 1996.

Walaupun bagaimanapun, pada tahun 1988 kerajaan setelah mengambil kira kerja-kerja tambahan yang diarahkan oleh kerajaan bagi projek berkenaan dan juga kerugian akibat pertukaran wang asing bagi membiayai kerja-kerja tambahan yang perlu ditanggung oleh syarikat konsesi Kamunting Corporation Sdn. Bhd. Kerajaan telah membuat keputusan supaya tempoh konsesi asal dilanjutkan selama 7 tahun bagi membolehkan KCB mendapat kembali kos tambahan. Ini bererti tempoh konsesi akan tamat pada 7 Januari 2003.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Batu Gajah membangkitkan mengenai kesan bayaran tol ke atas pengguna jalan raya. Beliau juga membangkitkan tentang masalah ketiadaan jalan keluar masuk Lebuhraya Ipoh-Lumut di kawasan Taman Rashid dan meminta mengadakan jejambat laluan kereta api di Jalan Lahat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam mempertimbangkan sesuatu cadangan penswastan jalan, kerajaan sentiasa mengambil kira kesan ke atas pengguna dan mengenakan tol yang berpatutan serta adil kepada pengguna di samping menentukan syarikat konsesi berupaya membayar balik pinjaman dan menyenggara jalan sepanjang tempoh konsesi. Kerajaan sedaya upaya berusaha untuk tidak mengenakan tol ke atas jalan alternatif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai cadangan mengadakan jalan keluar masuk di Lebuhraya Ipoh-Lumut bagi kawasan Taman Rashid dan mengadakan jejambat untuk menyeberangi laluan kereta api di Jalan Lahat, kerajaan akan mengkaji dua keperluan ini demi keselamatan lalu lintas.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kluang membangkitkan mengenai kenyataan semua jalan akan dikenakan tol dan mengenai pengenaan tol di Jalan Senai-Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang mengkaji dan menimbang dasar mengenai penswastaan jalan dan lebuhraya bertol dan penyediaan jalan alternatif bagi mereka yang tidak mahu membayar tol. Jika terdapat jalan-jalan yang sedia ada perlu dinaiktaraf atau dilebarkan dan menimbulkan implikasi kewangan besar, maka kerajaan mungkin menswastakan pembinaan jalan-jalan tersebut. Ini bermakna tol akan dikenakan ke atas jalan-jalan yang terlibat. Kerajaan ingin mengingatkan bahawa beberapa jalan yang sedia ada perlu dinaiktaraf/dilebarkan untuk mengelakkan kemalangan jalan. Dalam pada itu, jika jalan alternatif tidak dapat disediakan, jalan-jalan yang telah dinaiktaraf dan dilebarkan akan dikenakan tol.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berhubung dengan Jalan Senai-Johor Bahru, saya ingin menjelaskan tol dikenakan di sebahagian jalan ini kerana ianya merupakan sebahagian rangkaian jalan di bawah perjanjian konsesi Lebuhraya Utara-Selatan yang telah ditandatangani pada 18hb. Mac 1988.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang meminta Kementerian Kerja Raya mengkaji dan mempertingkatkan kemudahan jalan raya di kawasannya.

**Tuan Lim Si Cheng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Saya rasa rakyat di kawasan Senai telah dimaklumkan semasa tol Jalan Senai dikuatkuasakan pada tahun 1985 bahawa bayaran tol ini adalah satu projek sementara dan mereka dimaklumkan juga apabila Lebuhraya Selatan-Utara siap dibina, bayaran tol ini akan diberhentikan atau dimansuhkan. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, bilakah tol ini akan dimansuhkan dan sebenarnya Jalan Senai ini adalah sebuah jalan yang dibina pada tahun 20-an. Saya rasa Yang Berhormat juga pernah gunakan jalan ini semasa sebelum Lebuhraya Selatan-Utara dibina, apabila kita pergi ke Johor Bahru perlu lalu Jalan Senai ini ke Johor Bahru iaitu jalan ini telah lama dibina dan kutipan tol saya rasa tidak berpatutan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh memberitahu tempoh bilakah tol ini boleh dimansuhkan. Walau

bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, banyak rancangan sedang dirancang untuk menaikkan taraf jalan itu. Saya telah minta PLUS untuk mengadakan lebih persimpangan bertingkat untuk mengatasi masalah lalu-lintas yang sedang berlaku di jalan itu. Jadi, berkenaan dengan tol, saya percaya kita kena tunggulah, kita tidak ada perbincangan semula dengan syarikat itu lagi.

**Tuan Lim Si Cheng:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Si Cheng:** Minta maaf. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jikalau penduduk di Senai hendak pergi ke Kulai kerana pentadbiran pejabat daerah ada di Skudai. Datang daripada Senai ke Kulai ataupun penduduk di Senai ataupun perkampungan dekat Senai datang ke Kulai untuk menjalankan urusan mereka terpaksa membayar tol. Kadangkala satu hari seorang penduduk terpaksa datang dua, tiga kali bererti dua, tiga kali kena bayar. Jadi, saya mintalah supaya Menteri Kerja Raya dapat membawa perkara ini untuk Kerajaan Pusat membuat kajian iaitu kajian semula patut dibuat oleh kerajaan demi kepentingan rakyat jelata di Kulai, di Senai kerana selama ini telah membebaskan mereka. Jadi, saya mintalah kalau boleh Yang Berhormat Menteri sendiri bawa perkara ini untuk dikaji semula.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menetapkan tapak pejabat atau tapak stesen tol itu, kita ambil kira semua permintaan daripada rakyat jelata. Yang pertamanya ada juga permintaan daripada syarikat konsesi untuk mengadakan stesen tol ini lebih dekat daripada Johor Bahru, di mana mereka boleh juga mengutip lebih daripada pengguna-pengguna jalan tetapi masa itu kita menetapkan Senai oleh kerana banyak di antara penduduk yang sedang menduduki di dalam kawasan perumahan dan juga bandar-bandar kecil berhampiran Kulai ke Johor Bahru, mereka tidak pernah bayar tol tetapi sekarang saya mendapat tahu mereka kena pergi ke Kulai Besar untuk membayar cukai? Cukai, dia bayar satu tahun sekali sahaja.

Saya percaya perkara ini tidak boleh selesai sekaranglah Yang Berhormat. Kita kena bincang lagi dengan syarikat. Saya akan mengadakan rundingan dengan syarikat untuk mendapat tahu macam manakah masalah penduduk-penduduk di kawasan ini boleh diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dari masa ke semasa sentiasa mengkaji keperluan

mempertingkatkan jalan raya di semua kawasan termasuk kawasan Tanjong Karang. Namun demikian dari pelaksanaan, kerajaan perlu menentukan keutamaan mengikut kesesakan lalu-lintas kawasan serta bergantung kepada peruntukan yang diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur meminta kementerian Kerja Raya mengkaji kadar tol Lebuhraya Utara-Selatan dan bertanya sama ada pihak PLUS boleh menanggung kos pemasangan lampu di lebuhraya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak boleh menukar syarat-syarat konsesi Lebuhraya Utara-Selatan secara "unilateral" tanpa persetujuan syarikat konsesi. Sebenarnya kerajaan telah cuba merunding semula perjanjian konsesi akan tetapi ianya tidak dapat dilakukan tanpa persetujuan daripada setiap bank atau institusi kewangan yang membiayai projek ini. Sekiranya syarat dan terma perjanjian konsesi dipinda tanpa persetujuan institusi-institusi kewangan yang memberi pinjaman kepada PLUS, PLUS boleh dianggap sebagai melakukan "default" dan kesannya ialah pihak peminjam boleh meminta balik sekaligus semua pinjaman yang telah dikeluarkan. Sekiranya PLUS gagal berbuat demikian, maka kerajaan terpaksa mengambilalih semua liabiliti pinjaman PLUS. Ini akan menjadi beban kepada kerajaan untuk membayar balik hutang PLUS.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pemasangan lampu-lampu di Lebuhraya Utara-Selatan, suka-lah saya menjelaskan di sini bahawa cadangan untuk memasang lampu-lampu jalan di sepanjang lebuhraya bertol masih dalam kajian/penelitian kerajaan. Pelbagai aspek akan dikaji seperti kaedah pelaksanaan dan kos yang terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak semestinya kerja-kerja pemasangan lampu-lampu jalan ini akan dibiayai oleh syarikat konsesi. Sekiranya kerajaan meminta syarikat konsesi melaksanakan kerja-kerja ini, ianya akan ditakrifkan sebagai kerja-kerja tambahan kepada syarikat konsesi dan kos yang terlibat ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih.....

**Tuan Lim Kit Siang:** [Bangun]

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Di bawah kontrak Lebuhraya Utara-Selatan, kalau kerajaan meminta kerja tambahan, inilah mungkin perlu dipikul oleh pihak kerajaan tetapi dalam perkara ini, untuk memasang lampu di Lebuhraya Utara-Selatan supaya Lebuhraya Utara-Selatan boleh dapat satu standard yang sesuai dengan satu lebuhraya - selamat untuk pengguna-pengguna dan bukan untuk mewajibkan konsesi mengadakan perkhidmatan yang baru tetapi perkhidmatan yang sepatutnya diadakan supaya Lebuhraya Utara-Selatan lebih selesa, selamat dan cepat dan bukan pergi 'hell' atau 'heaven', mati, maut dan lain-lain.

Bukankah ini boleh ditakrif sebagai di mana ada kekurangan dalam standard yang diadakan oleh Lebuhraya Utara-Selatan dan memerlukan PLUS untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dalam perkhidmatan itu di mana perlulah dipikul oleh PLUS dan bukan oleh kerajaan atau oleh pembayar-pembayar cukai, akhirnya ialah pembayar-pembayar cukai. Lebih creative approached untuk mengurangkan beban orang ramai.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ketua Pembangkang. Kerajaan suka juga menurunkan beban rakyat jelata. Oleh kerana itu saya tidak mengumumkan apa-apa perbincangan di antara PLUS dengan saya. Kita bincang terus, saya suka juga mendapat standard untuk lebuhraya itu tetapi beban itu tidak diambil oleh rakyat jelata. Tetapi, perbincangan itu belum dapat diselesaikan. Saya percaya apabila ini selesai, kita boleh juga mengumumkan macam manakah perkara ini dapat diselesaikan.

Akhir sekali saya ingin.....

**Tuan Lim Hock Seng:** [Bagan]

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Bagan bangun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Menteri mengundurkan diri, saya suka-lah mengingatkan Yang Berhormat Menteri bahawa saya ada membangkitkan satu perkara iaitu berkenaan dengan tenggelam bumi di Prangin Mall dekat Komtar Pulau Pinang dan JKR ada menghantar satu pasukan IKRAM untuk pergi siasat di sana. Saya ada berucap dalam ucapan saya, saya ingin juga meminta Menteri Kerja Raya memberitahu hasil siasatan berkenaan dengan peristiwa ini oleh IKRAM, saya minta jawab.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

siasatan atau laporan itu belum diterima oleh saya. Jikalau saya dapat laporan selepas itu saya boleh beri keterangan mengenai itu.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli yang berhormat yang telah berucap mengenai perkara-perkara di bawah kementerian saya. Bagi perkara-perkara yang tidak sempat dijawab, kementerian saya akan memberi perhatian dan mengambil tindakan susulan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kementerian Pembangunan Usahawan.

5.21 ptg.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Tambun, Jelebu, Rompin dan Yan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Titah Ucapan DiRaja tempoh hari.

Untuk cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Tambun, Kementerian Pembangunan Usahawan mengambil maklum cadangan-cadangan yang telah dikemukakan. Cadangan supaya diadakan kajian menyeluruh akan diberikan perhatian yang mendalam agar lebih ramai bumiputera kelas menengah dapat dibangunkan. Berhubung dengan cadangan supaya satu kaedah yang bersepadu diambil untuk menangani masalah berkenaan, sukalah saya memaklumkan bahawa satu jawatankuasa penyelarasan untuk menambah bilangan bumiputera kelas menengah yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh Menteri-menteri Besar, Menteri-menteri Persekutuan iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Belia dan Sukan dan juga oleh pegawai-pegawai kanan kerajaan telah ditubuhkan oleh kerajaan baru-baru ini.

Jawatankuasa tersebut telah pun mengadakan mesyuarat pertamanya pada 17/3/97 dan berbincang tentang kaedah untuk menambah bilangan kelas menengah bumiputera. Penubuhan jawatankuasa tersebut akan menjamin kepentingan pihak Persekutuan dan negeri diambil kira dan diberi perhatian dalam menangani perkara tersebut.

Saya juga bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat daripada Tambun yang mengatakan bahawa usaha untuk melahirkan usahawan adalah merupakan usaha bersama semua pihak terutamanya kerajaan-kerajaan Pusat dan kerajaan negeri, lebih-lebih lagi dalam usaha kerajaan untuk memperbanyakkan lagi kelas menengah bumiputera pada masa ini. Selaras dengan itu, satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Perhubungan Pembangunan Usahawan Pusat Negeri (JPPUPN) telah ditubuhkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan juga dalam masa yang singkat ini, kementerian akan mengadakan perbincangan dengan PKEN-PKEN mengenai perluasan kelas menengah bumiputera yang akan diadakan tidak berapa lama lagi. Untuk memperbaiki pengurusan PKEN-PKEN, sebuah syarikat juruperunding yang dilantik oleh Kementerian Pembangunan Usahawan telah pun menjalankan kajian bertujuan untuk memperbaiki kecekapan pengurusan PKEN-PKEN tersebut. Laporan akhir telah disiapkan dan kerajaan sedang mengkaji cadangan-cadangan yang telah dikemukakan di dalam laporan tersebut.

Ahli Yang Berhormat daripada Tambun juga telah membangkitkan mengenai kuota 30% yang tidak dapat dipenuhi oleh bumiputera kerana harga rumah kedai yang sangat mahal dan beliau mahukan supaya dilaksanakan projek yang termampu dibeli oleh bumiputera. Cadangan ini adalah satu cadangan yang baik dan kita harap kerajaan negeri yang berkuasa di atas hal ehwal tanah boleh menggunakan beberapa syarat tertentu untuk memastikan kuota 30% benar-benar dapat dimanfaatkan oleh bumiputera ataupun melalui satu mekanisme tertentu untuk Kerajaan Pusat ataupun kerajaan negeri dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan untuk membantu bumiputera memenuhi kuota 30% berkenaan.

Berhubung dengan kenyataan bahawa bumiputera hanya memiliki 5% sahaja daripada ruang niaga di seluruh negara dan perkara yang hampir sama dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Jelebu mengenai masalah yang dihadapi oleh usahawan bumiputera untuk mendapat tempat ataupun ruang niaga di tempat-tempat yang strategik, sukalah saya nyatakan ini berlaku kerana kuasa membeli kaum bumiputera adalah jauh terkebelakang. Dengan pembangunan ekonomi negara yang pesat pada waktu ini, kuasa membeli bumiputera akan lebih ketara jika sesuatu langkah tidak diambil. Cara untuk meningkatkan kuasa membeli kaum bumiputera adalah melalui pengwujudan kelas menengah Melayu ataupun

bumiputera yang lebih banyak dan Kementerian Pembangunan Usahawan dengan kerjasama daripada lain agensi kerajaan peringkat Persekutuan dan negeri sedang berusaha ke arah itu. Sebagai langkah lain pula agensi-agensi di bawah Kementerian seperti MARA akan membeli lot-lot ruang niaga di kompleks-kompleks perniagaan yang strategik seperti yang telah pun dibuat di Shah Alam untuk kemudiannya disewakan kepada peniaga bumiputera pada kadar sewa yang termampu oleh mereka. Di samping itu, UDA Holdings Sdn. Bhd. akan memperhebatkan lagi pembinaan kompleks-kompleks perniagaan untuk disewakan kepada bumiputera. Kementerian Pembangunan Usahawan mengambil maklum di atas cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat daripada Rompin khususnya cadangan supaya sektor swasta turut menyertai program untuk membangunkan usahawan bumiputera. Untuk makluman Yang Berhormat, sebuah jawatankuasa iaitu Majlis Pembangunan Usahawan (MPU) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan dianggotai oleh Timbalan-timbalan Menteri serta Setiausaha-setiausaha Parlimen Kementerian tertentu dan tokoh-tokoh korporat swasta telah pun ditubuhkan pada tahun 1995 untuk menggembiling usaha dari sektor swasta dan awam dan membangunkan usahawan-usahawan di negara kita. Majlis akan merangka program-program yang lebih spesifik di mesyuarat yang akan datang untuk meningkatkan lagi peranan sektor swasta dalam pembangunan usahawan bumiputera kelas menengah.

Untuk cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Yan tentang memperingati Allahyarham Tan Sri Yahya yang telah menjadi contoh untuk mempertingkatkan usahawan-usahawan bumiputera kelas menengah, Kementerian akan menamakan sebuah IKM dengan nama Allahyarham Tan Sri.

Sekian sahaja jawapan yang boleh dijawab oleh Kementerian pada kali ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

5.28 ptg.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan membangkitkan beberapa perkara berhubung dengan bidang tugas Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos semasa perbahasan ke

atas Titah DiRaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Sandakan menimbulkan isu mengenai masalah bekalan elektrik terputus yang kerap berlaku di Sandakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat semua pihak terutama Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi kesulitan yang ditanggung oleh rakyat di negeri Sabah akibat daripada masalah bekalan elektrik terputus, bukan sahaja di kawasan Sandakan, bahkan di seluruh negeri Sabah.

Beberapa projek besar telah dan sedang dilaksanakan di Sandakan bertujuan meningkatkan keupayaan penjanaan elektrik dan memperbaiki kualiti bekalan. Ini termasuklah:

- (i) pemasangan jentera janakuasa berkapasiti 20 megawatt di Sandakan oleh EPE Power Corporation yang telah siap pada awal tahun ini;
- (ii) projek pembinaan stesen janakuasa oleh Serve West berkapasiti 60 megawatt yang dijangka siap pada akhir 1998;
- (iii) pengambilalihan stesen janakuasa Lembaga Lektrik Sabah (LLS) berkapasiti 30 megawatt di Batu Sapi, Sandakan oleh sebuah syarikat IPP yang dijangka siap pada tahun hadapan; dan
- (iv) projek pembinaan sistem penghantaran di Jalan Lela, Sandakan oleh LLS yang akan dimulakan pada tahun ini.

Dengan siapnya projek-projek di atas adalah diharapkan kesulitan mengenai gangguan bekalan elektrik yang dialami oleh orang ramai akan dapat diatasi sepenuhnya.

Mengenai bayaran rebate kepada penduduk Sabah yang mengalami kerugian akibat kejadian-kejadian bekalan elektrik yang selalu terputus di negeri itu, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah memutuskan supaya bayaran rebate sebanyak 10% dilaksanakan. Walau bagaimanapun, saya ingin mengingatkan bahawa sepertimana juga bagi Semenanjung dan Pulau Pinang, keputusan ini dibuat secara istimewa dan buat kali ini sahaja. Pelaksanaan keputusan ini sedang diuruskan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dan Lembaga Letrik Sabah.

Yang Berhormat dari Sandakan juga ada bertanya tentang penswastan LLS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses penswastan LLS masih lagi dalam tindakan Unit Perancangan Ekonomi.

Mengikut perancangannya LLS akan diswastakan menjelang akhir tahun ini.

Yang Berhormat dari Tanjong Aru membangkitkan isu mengenai janji kerajaan semasa kempen pilihan raya yang lalu bagi mengatasi isu bekalan elektrik di Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak pilihan raya tersebut banyak tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan bagi meningkatkan lagi keupayaan penjanaan elektrik di seluruh negeri Sabah. Antara lain projek-projek yang telah diluluskan adalah seperti berikut, selain daripada projek-projek yang saya sebutkan tadi di kawasan Sandakan termasuk:

- (i) Projek Stesen Janakuasa IPPARL tenaga berkapasiti 50 megawatt di Kota Kinabalu yang telah siap dan dimulatugaskan pada awal tahun lepas;
- (ii) Projek Stesen Janakuasa IPP Serudong power berkapasiti 36 megawatt di Tawau yang telah dimula tugaskan pada akhir tahun 1996;
- (iii) Projek Patch-mounted berkapasiti 40 megawatt di Telok Semanggar, Kota Kinabalu yang telah dimula tugaskan pada awal tahun ini;
- (iv) Projek IPP Power-trown berkapasiti 120 megawatt yang akan siap pada awal tahun 1998;
- (v) Projek pembinaan Sistem Penghantaran East-Cost Grik yang sedang dalam peningkatan pelaksanaan; dan
- (vi) Pada masa yang sama Lembaga Letrik Sabah juga sedang melaksanakan projek-projek bagi membaikpulih dan menggantikan set-set janakuasa LLS yang telah rosak atau yang perlu diganti dengan set-set yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Sepang dan Jelebu telah membangkitkan isu mengenai Perkhidmatan 600. Yang Berhormat dari Sepang telah mencadangkan supaya sesiapa yang melanggan sahaja mendapat talian ini, manakala Yang Berhormat dari Jelebu pula mengesyorkan supaya ianya diharamkan sahaja. Suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Perkhidmatan Siri 600 atau Teleinfo adalah perkhidmatan tambah nilai yang digunakan untuk memberi maklumat kepada orang ramai termasuk Telehaji, Teleguam, Telesaham, Teleinformatif Nikah-Kahwin, Telekris, Horoscope, sukan, pelancongan dan sebagainya. Ada juga yang

berbentuk hiburan.

Pengusaha-pengusaha adalah dikehendaki mematuhi bantuan-bantuan yang terdapat di dalam 'Telecommunication Regularity Framework for the 600 Services,' dengan izin, yang dikeluarkan oleh Jabatan Telekomunikasi Malaysia. Di bawah rangka kerja kawal selia ini pengusaha-pengusaha tidak dibenarkan menyiarkan siaran lucah atau menjalankan perkhidmatan seumpamanya. Kementerian saya sentiasa peka kepada aduan-aduan yang dikemukakan mengenai perkhidmatan ini. Aduan yang diterima khususnya adalah berkaitan dengan caj tinggi yang dikenakan. Kementerian ini juga ada mendengar aduan yang menyatakan bahawa unsur-unsur lucah juga disiarkan oleh pengusaha perkhidmatan ini.

Dalam hubungan ini, kementerian ini telah mengadakan suatu taklimat bagi pengusaha-pengusaha Perkhidmatan 600 supaya perkhidmatan perkhidmatan berunsur lucah dihentikan. Sekiranya perkhidmatan seumpama ini diteruskan juga, tindakan sewajarnya akan diambil termasuklah penggantungan lesen operasi. Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk mendidik remaja mereka tentang baik-buruknya sesuatu perkhidmatan, kerana muda-mudi kita masih boleh menggunakan perkhidmatan seumpama ini yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sukacita saya menyatakan di sini bahawa segala pandangan dan cadangan dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya nyatakan di sini satu persatu akan diberi perhatian dan tindakan selanjutnya oleh pihak kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

5.36 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Usul Titah Ucapan DiRaja mengenai perkara-perkara yang ada hubung kait dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Izinkan saya menjawab ke atas beberapa perkara dan isu penting yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah bertanya sama ada IMP-2 ada menyentuh tentang bagaimana untuk meningkatkan Total Factor Productivity (TFP) negara. Dan Yang Berhormat telah menyatakan bahawa TFP Malaysia adalah antara yang terendah di rantau ini. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, di bawah IMP-2, TFP merupakan salah satu strategi utama dalam usaha peningkatan daya saing negara. Strategi-strategi untuk menggalakkan pertumbuhan TFP termasuk:

- (a) peningkatan kemahiran pekerja melalui pendidikan dan latihan;
- (b) menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan;
- (c) kemajuan qualitative dalam pengurusan;
- (d) meningkatkan prestasi produktiviti industri kecil dan sederhana.

Adalah tidak wajar untuk membuat rumusan bahawa kadar pertumbuhan TFP adalah yang terendah di rantau ini. Ini adalah sebab kerana methodology, tempoh masa dan sumber data yang berbeza-beza telah digunakan untuk mengukur kadar pertumbuhan TFP oleh negara-negara di rantau ini. Oleh yang demikian, adalah sukar untuk membuat perbandingan kadar pertumbuhan TFP di antara negara-negara. Misalnya, laporan Bank Dunia menunjukkan kadar pertumbuhan TFP bagi Malaysia bagi tempoh 1990 adalah lebih baik berbanding dengan Singapura. Manakala kajian oleh Kawai, seorang pakar ekonomi Jepun menunjukkan kadar pertumbuhan TFP bagi tempoh 1980 hingga 1990 bagi Malaysia lebih baik berbanding dengan Filipina dan Indonesia. Dan kajian oleh Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) Malaysia menunjukkan kadar pertumbuhan TFP bagi Malaysia bagi tempoh tahun 1987 hingga 1996 telah meningkatkan kepada 1.66.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kluang berhubung dengan penyertaan syarikat tempatan di dalam sektor elektronik yang rendah. Dimaklumkan bahawa kerajaan menyedari akan hakikat ini dan sedang mengambil tindakan untuk menambahkan bilangan syarikat tempatan dalam industri ini. IMP-2 yang telah dilancarkan tahun lalu telah menggariskan rancangan yang terperinci untuk menambahkan penglibatan syarikat tempatan di dalam industri ini. Antara langkah-langkah yang sedang diambil ialah:

- (i) membangunkan syarikat tempatan kecil dan sederhana sebagai pembekal komponen dan peralatan untuk syarikat-syarikat MNC;
- (ii) perolehan teknologi melalui projek usaha sama serta melalui penyelidikan dan pembangunan;
- (iii) melalui pembangunan syarikat Malaysia yang mempunyai kemahiran bertaraf antarabangsa yang berkemampuan mengeluarkan barang jenama Malaysia untuk pasaran dunia;

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendapat Yang Berhormat dari Tanjong Karang bahawa kerajaan tidak memberi pendekatan yang mencukupi terhadap aktiviti R&D terutama sekali dalam industri teknologi tinggi adalah tidak benar. Kerajaan sememangnya menyedari kepentingan teknologi tinggi untuk pembangunan negara, dan dengan itu telah pun memberi penekanan terhadap aktiviti-aktiviti R&D sebagai satu strategi untuk mempertingkatkan teknologi dan daya saing negara di bawah Pelan Induk Perindustrian Kedua bagi tempoh tahun 1996 hingga 2005.

Pada masa ini pelbagai insentif telah disediakan untuk menggalakkan kegiatan R&D di negara ini khususnya untuk menarik penglibatan pihak swasta dalam bidang R&D. Insentif-insentif tersebut termasuk potongan cukai berganda bagi perbelanjaan terhadap aktiviti R&D. Pengecualian penuh duti import, cukai jualan dan duti eksais bagi mesin bahan yang digunakan untuk R&D dan elaun pembangunan perindustrian bagi membina dan membeli bangunan untuk R&D.

Bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi berteknologi tinggi, insentif khas telah diberi bagi pelaburan dalam industri berteknologi tinggi. Ini termasuk pemberian taraf perintis dengan pengecualian cukai sepenuhnya untuk tempoh lima tahun dan elaun cukai pelaburan sebanyak 60% dari perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh lima tahun. Di samping itu, kerajaan telah meningkatkan peruntukan, dengan izin, Intensification of Research In Priority Area (IRPA) ke RM1 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Program IRPA ini melibatkan kerjasama di antara universiti-universiti tempatan, institusi-institusi penyelidikan dan institusi industri untuk menjalankan penyelidikan yang menepati kehendak industri di negara ini.

Baru-baru ini kerajaan telah melancarkan Skim Geran Industri yang akan membantu membiayai

perbelanjaan R&D yang ditanggung oleh sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kementerian Pertanian.

5.44 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian serta membangkitkan perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Pertanian atau di bawah kawalan dan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran dan Marang telah mengalu-alukan usaha kementerian mengkaji semula Dasar Pertanian Negara. Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat kerana sokongan mereka terhadap perkara tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kementerian sedang mengkaji semula Dasar Pertanian Negara yang sedia ada bagi membolehkan pertanian berupaya menghadapi cabaran-cabaran akibat perubahan senario ekonomi global dan negara. Dasar baru ini diharap dapat meningkatkan pengeluaran komoditi makanan dan bahan-bahan mentah untuk memenuhi keperluan rakyat dan industri pemakanan negara.

Di samping itu, strategi juga dirangka untuk membangunkan sektor pertanian secara lebih komersial agar setanding dengan sektor ekonomi lain yang lebih dinamik. Di antara langkah-langkah yang diberi tumpuan dalam DPN yang baru ialah mengeluarkan komoditi terpilih dan bernilai tinggi, meningkatkan produktiviti melalui pengusaha ladang yang lebih moden, cekap, tersusun, penggunaan peralatan teknologi moden serta menggalakkan penyertaan sektor swasta bagi pengeluaran secara berskala besar dan menggalakkan pelaburan luar negara khususnya bagi pengeluaran komoditi yang di mana negara tidak mempunyai faedah berbanding. Komoditi termasuklah hasil hutan kerana kita tidak lagi memisahkan pertanian (agriculture) dari perhutanan (forestry) dalam pendekatan strategi kita untuk membanyakkan "agroforestry".

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah kekurangan tanah yang dihadapi oleh petani kecil dan kekurangan tanah milik yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Marang, saya suka

memaklumkan bahawa kementerian ini sentiasa peka terhadap perkara ini dan setuju bekerjasama dengan kerajaan negeri supaya menyediakan kawasan yang lebih sesuai untuk dizonkan sebagai kawasan pertanian. Ini bagi membolehkan pengusaha-pengusaha bercucuk tanam dan secara tidak langsung dapat mengatasi masalah penerokaan tanah-tanah kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang juga telah meminta kerajaan mengatasi masalah persaingan yang dihadapi oleh nelayan-nelayan kecil. Dalam hal ini, Kementerian Pertanian sentiasa menggalakkan nelayan menukar cara tangkapan ikan dari sistem kecilan dan tradisional kepada yang lebih moden dan besar-besaran sama ada dari segi penangkapan mahupun penternakan dalam sangkar dan kolam. Ini dilakukan melalui usaha-usaha yang dibuat oleh persatuan-persatuan nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Labuan telah membangkitkan soal kenaikan harga barang seperti telur, ikan dan ayam telah membawa kesan buruk kepada orang ramai, dan menurutnya kenaikan harga ayam pada tahun lalu menunjukkan bahawa harga barangan tersebut adalah ditentukan oleh pihak pengeluar. Oleh itu, beliau memohon agar kerajaan perlu bertindak tegas di dalam menentukan harga barang-barang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian sentiasa mengesan rapi harga barangan termasuk ayam, telur dan ikan bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Kementerian Pertanian menentukan bahan-bahan ini dikeluarkan dalam kos yang sederhana dan dijual dengan harga yang berpatutan, untuk menentukan kesinambungan pengeluaran dan bekalan. Apabila didapati bekalan tidak mencukupi dan harga melambung, pengimportan ayam dibenarkan untuk menjamin bekalan kepada pihak pengguna dengan harga yang sederhana.

Bagi menentukan bahawa harga ayam ditetapkan pada paras yang munasabah, satu Jawatankuasa Penetapan Harga Daging Ayam telah pun diwujudkan. Di antara fungsi jawatankuasa ini ialah untuk menetapkan harga siling bagi ayam di peringkat ladang, borong dan runcit. Sehingga kini didapati jawatankuasa ini dapat mengawal harga ayam pada paras yang berpatutan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Pertanian telah mengambil beberapa langkah untuk menstabilkan harga ikan di seluruh negara. Antara tindakan segera yang diambil ialah:-

(i) mewujudkan pasar raya ikan (fish mart) di seluruh negara yang akan dikendalikan oleh Koperasi Pelaburan Nelayan Malaysia Berhad (KPNMB). Pasar raya ikan yang pertama telah bermula di Sentul mulai 1hb. September 1996. Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan Persatuan Nelayan Pelabuhan Kelang dan lain-lain kawasan akan menjadi pembekal ikan kepada pasar raya ikan ini. Langkah-langkah ini akan dapat mengurangkan peranan orang tengah dalam pemasaran ikan.

(ii) penjualan ikan secara terus kepada pengguna oleh Persatuan-persatuan Nelayan Kawasan (PNK) melalui 159 pasar tani di seluruh negara.

Selain daripada itu, Kementerian Pertanian juga sedang mengatur program-program jangka panjang bagi mengatasi kenaikan harga ikan iaitu:-

- (i) membina rangkaian bilik sejuk di tempat-tempat strategik untuk menyimpan stok ikan untuk mengatasi kekurangan bekalan ikan terutama di musim-musim tertentu;
- (ii) memperluaskan jualan ikan secara terus kepada pengguna melalui pasar-pasar malam;
- (iii) penjualan ikan secara terus kepada pengguna di kawasan-kawasan perumahan dengan menggunakan kemudahan pengangkutan seperti van dan kereta;
- (iv) menubuhkan konsortium Pembekal/Pengedar Tunggal Ikan yang berperanan sebagai pengawal harga ikan di pasaran yang membabitkan persatuan-persatuan nelayan seperti NEKMAT, Persatuan Nelayan Kawasan (PNK), KPNMB, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan peniaga ikan dari kalangan swasta;
- (v) memperluaskan pasar raya ikan di bandar-bandar utama di seluruh negara;
- (vi) menggalakkan penggunaan ikan air tawar dan hasil-hasil akuakultur lain;

(vii) meningkatkan jumlah import ikan dari pelbagai negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seremban pula telah membangkitkan mengenai nitrofurans yang menurut beliau masih lagi digunakan oleh penternak-penternak, juga bahan-bahan kimia masih dapat dikesan pada ikan-ikan yang diimport, sungguhpun bahan-bahan berkenaan dilarang penggunaannya. Bagi mengatasi masalah tersebut beliau meminta supaya kerajaan memperketatkan undang-undang yang berkaitan dan menambah lagi kakitangan agar dapat menguatkuasakannya dengan lebih berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawalan import dan edaran antibiotik veterinar untuk kegunaan dalam industri ternakan dan haiwan kesayangan (pets) termasuk nitrofurans adalah di bawah Akta Racun 1952 (Akta 366) (Pindaan 1987) yang berkuatkuasa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Kementerian Pertanian bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan supaya penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Di peringkat Jabatan Perkhidmatan Haiwan, satu program kawal selia (surveillance) khas untuk nitrofurans telah diadakan. Program kawal selia ini melibatkan pengambilan contoh daging ayam secara rambang dari loji pemprosesan di seluruh negara untuk dikaji di makmal. Program ini direkabentuk untuk membolehkan Jabatan Perkhidmatan Haiwan mengenal pasti penternak yang menggunakan nitrofurans. Mereka yang dikenal pasti menggunakan drug tersebut akan disiasat untuk tujuan diambil tindakan undang-undang.

Penyiasatan bersama juga diadakan bagi mengenal pasti pengedar/penjualan nitrofurans kepada penternak berkenaan. Program kawal selia melibatkan seluruh Malaysia termasuk di bandar-bandar kecil supaya penguatkuasaan larangan nitrofurans ini juga meliputi penternak ayam di luar bandar.

Kementerian pertanian sedar bahawa penguatkuasaan undang-undang sahaja tidak menyelesaikan semua masalah dan penguatkuasaan tidak akan berkesan jika kerjasama semua pihak di dalam industri ternakan tidak diperolehi. Beberapa perundingan dengan pihak industri telah diadakan termasuk pengisar-pengisar makanan (feed millers) ternakan dan persatuan penternak supaya penggunaan nitrofurans dihentikan. Semua pihak telah memberikan komitmen untuk tidak

menggunakan nitrofurantoin. Berasaskan kepada maklumbalas daripada syarikat pengeluar makanan ternakan, nitrofurantoin tidak lagi digunakan oleh mereka dan dalam ujian sampel yang dihantar didapati tidak lagi ditemui nitrofurantoin di dalam makanan ternakan. Maka Jabatan Perkhidmatan Haiwan percaya bahawa daging ayam yang dijual di pasar adalah selamat untuk dimakan. Walau bagaimanapun, jika Yang Berhormat ada mempunyai maklumat berkaitan penggunaan nitrofurantoin oleh penternak, silalah kemukakan maklumat yang tepat kepada Kementerian Kesihatan ataupun Kementerian Pertanian sama ada secara lisan atau bertulis ataupun secara Internet.

Untuk ikan-ikan import, LKIM telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa Pencegahan Bahan Kimia Dalam Ikan. Di peringkat negeri-negeri yang telah menubuhkan jawatankuasa berkenaan ialah Johor, Terengganu, Selangor dan Zon Pulau Pinang, Kedah dan Perlis adalah di bawah satu jawatankuasa.

Di setiap pusat kemasukan, LKIM juga telah menempatkan pegawai untuk tujuan berkenaan di mana segala contoh ikan akan diambil dan diserahkan kepada Kementerian Kesihatan negeri yang ditugaskan di pusat berkenaan untuk pemeriksaan lanjut. LKIM tidak diberi peruntukan undang-undang untuk mengambil tindakan ke atas kesan bahan kimia dalam ikan tetapi undang-undang di Kementerian Kesihatan memberi kuasa penuh kepadanya untuk tindakan terhadap perkara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang yang mencadangkan agar penanaman padi di kawasan Sekinchan dijadikan sebagai model untuk lain-lain kawasan penanaman padi di negara ini, Kementerian Pertanian telah dan akan terus mengkaji faktor-faktor kejayaan tanaman padi di kawasan Sekinchan. Di mana sesuai penanaman padi di Sekinchan akan dijadikan model tanaman padi bagi kawasan-kawasan lain di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Cheras telah meminta kerajaan menyiasat mengenai banjir yang masih berlaku di Lembah Kelang walaupun peruntukan disediakan kepada JPS dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banjir yang sering melanda Lembah Kelang adalah disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah kewujudan sampah sarap di dalam Sungai Kelang yang menyekat pengaliran lancar air. Antara faktor

yang menyebabkan banjir kilat pada 22hb. Mac, 1997 adalah hujan yang turun dengan lebat dalam masa yang singkat antara dua hingga tiga jam hingga menyebabkan saluran sedia ada tidak dapat menampung kederasan air yang mengalir. Keadaan ini menjadi bertambah buruk apabila laluan air tersumbat dengan sampah sarap yang dibuang ke dalamnya. Di samping sampah sarap, adalah didapati bahawa sesetengah struktur seperti jambatan yang merintasi Sungai Kelang misalnya di Jalan Tun Perak juga menghalang pengaliran air yang licin apabila air di sungai tersebut meningkat. Ini adalah kerana jambatan tersebut telah dibina terlalu rendah. Tidak dinafikan bahawa apabila sampah sarap terperangkap di bawah jambatan ini keadaan menjadi serius oleh kerana air tidak dapat lalu dan justeru itu menyebabkan air bertakung di belakangnya.

Namun demikian, kerajaan bukanlah menyalahkan rakyat kerana menyebabkan banjir kilat semata-mata kerana mereka membuang sampah sarap ke dalam sungai seperti yang dinyatakan tadi, tetapi lebih kepada menyedarkan rakyat bahawa tabiat suka membuang sampah sarap ke dalam sungai dengan sewenang-wenangnya boleh menyumbang kepada masalah ini. Kerajaan, dalam tahun 1992 telah melancarkan Kempen 'Cintailah Sungai Kita' dengan harapan ia akan dapat memberi kesedaran kepada rakyat tentang betapa pentingnya kita memelihara sungai kita supaya ia bebas dari apa jua pencemaran termasuk sampah sarap.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, Ahli Yang Berhormat dari Lumut telah membangkitkan persoalan mengenai terdapat banyak permohonan dari pihak swasta untuk menjalankan tebusguna tanah (land reclamation) terutamanya di sekitar kawasan Pulau Pangkor dan Pasir Panjang, Perak. Dalam hal ini, beliau menggesa Kerajaan Negeri Perak supaya berhati-hati dalam usaha tidak menjejaskan kehidupan nelayan yang berhampiran dan seterusnya industri makanan laut.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut sedia maklum, semua cadangan projek-projek pembangunan penebusgunaan tanah atau penambakan pantai perlu mematuhi peraturan dan garis panduan-garis panduan yang sedia ada yang ditetapkan oleh kerajaan. Sehubungan dengan itu, cadangan penebusgunaan tanah/penambakan pantai perlu dirujuk kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk ulasan dan pandangan. Langkah ini perlu bagi mengelakkan mengurangkan sebarang impak/

implikasi negatif yang mungkin timbul termasuk ke atas aktiviti perikanan dan juga masalah hakisan pantai.

Dengan itu, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama memberi perhatian kepada Kementerian Pertanian dan segala perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya bagi meninggikan lagi prestasi Kementerian Pertanian. Bagi perkara-perkara yang dibangkitkan dan tidak sempat dijawab, saya akan menentukan supaya perkara-perkara tersebut diambil perhatian dan tindakan sewajarnya oleh Kementerian Pertanian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

6.00 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Titah DiRaja, terutama sekali Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Ahli Yang Berhormat dari Labuan telah membangkitkan isu kenaikan harga telur dan beberapa barang makanan lain. Seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Keningau telah membangkitkan isu inflasi yang dianggap amat tinggi dari kadar sasaran Program Inflasi Sifar dan program itu dikatakan telah gagal mencapai matlamatnya.

Beliau menyatakan bahawa harga barang-barang perlu seperti tepung, beras, bawang dan lain-lain terus melambung tinggi khususnya di Sabah di mana harga barangan lebih tinggi dari Semenanjung dan menjalankan supaya usaha yang lebih berkesan diambil untuk mengawasi kenaikan harga barangan supaya kadar inflasi akan terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa harga sesetengah barang telah naik. Ini adalah disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya:-

- (i) pertumbuhan ekonomi yang pesat yang pada amnya melebihi 8% setahun selama sembilan tahun berturut-turut telah meningkatkan pendapatan penduduk amnya dan dengan itu meningkatkan permintaan;

- (ii) akibat bilangan penduduk yang bertambah;
- (iii) kekangan pengeluaran atau bekalan akibat keupayaan yang terhad; dan
- (iv) kenaikan kos pengeluaran seperti kadar upah, sewa premis, kos bahan mentah termasuk yang di import dan sebagainya.

Dalam keadaan yang sedemikian, kadar inflasi yang meningkat sebanyak 3.5% pada tahun 1996 adalah dianggap baik berbanding dengan kebanyakan negara lain. Ini termasuk Thailand dengan pertumbuhan ekonomi pada bulan Mac, 1997 meningkat sebanyak 8.5%, manakala kadar inflasinya meningkat 4.3%. Indonesia dengan pertumbuhan sebanyak 8.1% manakala kadar inflasinya 5.5%. Filipina dengan pertumbuhan pada kadar 5.9% dan inflasi pada kadar 4.4% dan juga Republik Rakyat China dengan pertumbuhan pada kadar 9.9% dan mengalami peningkatan inflasi pada kadar 5.9%.

Tuan Yang di-Pertua, Program Inflasi Sifar telah dimulakan pada tahun 1995 di bawah Kempen Anti Inflasi. Ia merupakan sasaran bagi jangka masa panjang dengan tujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terutama pengguna dan peniaga mengenai kesan buruk kenaikan kadar inflasi dan cara-cara bagaimana mereka dapat membantu usaha kerajaan mengawalinya.

Sasaran inflasi sifar adalah berfokus kepada 75 barangan dan perkhidmatan yang biasanya digunakan oleh golongan berpendapatan RM1,500 sebulan dan kurang daripada itu. Penilaian keberkesanan kempen ini yang telah dijalankan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia menunjukkan bahawa 92% responden sedar tentang Kempen Inflasi Sifar dan 60% responden bersetuju dan menyokong langkah-langkah kerajaan untuk menjalankan Kempen Inflasi Sifar termasuk mengadakan Hari Inflasi Sifar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa pelbagai tindakan telah diambil oleh kerajaan untuk mengawal inflasi. Ini termasuklah melalui dasar-dasar kewangan dan fiskal oleh Bank Negara dan Kementerian Kewangan serta langkah-langkah pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta oleh Kementerian Pertanian dan agensi-agensinya di bawahnya.

Namun demikian, oleh kerana negara kita mengamalkan Sistem Pasaran Bebas, maka harga amnya ditetapkan oleh kuasa bekalan dan

permintaan. Campur tangan kerajaan amnya hanyalah bagi penentuan harga beberapa barang keperluan asas dan bagi barang-barang makanan termasuk beras, gula pasir, tepung gandum, susu pekat manis dan roti. Bagi barang-barang ini, bekalan dan harga bahan-bahan mentah masing-masing di pasaran dunia juga diawasi. Begitu juga harga runcit barangan tersebut di negara-negara jiran serta kedudukan bekalan barang-barang tersebut agak mencukupi untuk memenuhi keperluan.

Bagi barang-barang dikawal ini tidaklah bermakna barang-barang itu tidak boleh naik sama sekali, misalnya harga tepung gandum kegunaan am telah dibenarkan naik sebanyak 0.30 sen dari 0.80 sen kepada RM1.10 sekilogram mulai 7hb. Jun, 1996.

Akibat kenaikan harga bahan mentah utamanya iaitu bijirin gandum jenis Austria Standard White (ASW) sebanyak 102.2% dari US\$137 se tan metrik pada tahun 1991 kepada US\$272 se tan metrik pada bulan Mei 1996. Mulai 16hb. Mac, 1997 pula, kerajaan telah menurunkan harga tepung gandum tersebut sebanyak 0.10 sen sekilogram dari RM1.10 sekilogram ke RM1 berikutan penurunan harga ASW di pasaran dunia, sebanyak 27.4% dari US\$272 se tan metrik kepada US\$201 se tan metrik.

Mengenai harga beras, hanya beras gred premium dan standard dikawal oleh kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan harganya tidak meningkat. Walau bagaimanapun, harga beras super berubah-ubah kerana ia tidak dikawal oleh kerajaan tetapi ditentukan oleh kuasa pasaran permintaan dan bekalan.

Begitu juga bawang yang semuanya diimport, harganya tidak dikawal oleh kerajaan dan ditentukan mengikut keadaan permintaan dan bekalan. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sedar bahawa harga barang-barang amnya adalah lebih tinggi di Sabah dan Sarawak berbanding dengan Semenanjung. Dengan kerjasama pihak-pihak berkenaan di Sabah, pasukan petugas telah pun ditubuhkan untuk mengkaji sebab atau punca sebenar perbezaan harga tersebut berlaku serta mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk mengatasi masalah-masalah yang dikenal pasti seperti kos pengangkutan dan kadar margin yang tinggi berasaskan volume penjualan yang kecil.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah membangkitkan isu Syarikat Courts Mammoth yang dikatakan telah memanipulasi pengguna dengan penyelewengan Akta Sewa Beli 1967 seperti

menggunakan bunga yang tinggi dan cara-cara rampasan yang menyalahi akta. Beliau telah meminta perkara ini disiasat dan Akta Sewa Beli 1967 dikaji semula.

Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil perhatian ke atas perkara yang dibangkitkan dan siasatan sewajarnya akan dijalankan bagi mengenal pasti sama ada aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh syarikat berkenaan termasuk di bawah takrifan perjanjian sewa beli di bawah Akta Sewa Beli 1967 atau sebaliknya. Mengenal pasti sama ada penyelewengan yang dimaksudkan merupakan satu kesalahan di bawah Akta Sewa Beli 1967 dan mengambil tindakan sewajarnya jika menyalahi undang-undang yang dikuatkuasakan. Pada masa yang sama, Akta Sewa Beli 1967 akan dikaji dari masa ke semasa bagi menentukan pengguna mendapat perlindungan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah memberi teguran, pandangan kepada kementerian ini. Saya memberi jaminan bahawa segala teguran dan pandangan akan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya akan diambil. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Kementerian Pendidikan.

6.11 ptg.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Ucapan DiRaja dan telah membangkitkan pelbagai perkara, isu serta cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan.

Ternyata minat yang semakin mendalam serta sokongan berterusan di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap kemajuan pendidikan negara dalam menghadapi cabaran abad ke-21. Dalam jangka waktu yang terhad ini penjelasan saya akan lebih berfokus kepada isu-isu terkini kerana terdapat perkara-perkara yang sudah diberi penjelasan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat dalam ucapan mereka telah memilih isu yang sedang hangat diperkatakan iaitu masalah gejala sosial khususnya di kalangan pelajar. Antara Ahli Yang Berhormat yang membahaskan perkara ini ialah

Yang Berhormat dari Marang, Sungai Petani, Tawau, Batang Lupar, Yan, Kota Bharu, Batu Gajah, Johor Bahru dan Gelang Patah.

Tidak perlulah saya membuat penjelasan secara kes demi kes kerana persoalan yang ditimbulkan adalah hampir sama dan saling berkaitan. Perlu ditegaskan dalam menangani masalah ini Kementerian Pendidikan menggunakan pendekatan berhati-hati kerana masalah ini sebenarnya melibatkan banyak pihak. Gejala sosial yang melanda di kalangan pelajar dan remaja sekarang tidak boleh dijadikan bukti kegagalan sistem pendidikan. Sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Marang, kita perlu mengakui hakikat bahawa banyak faktor lain yang menyumbang berlakunya masalah sosial ini.

Kementerian Pendidikan telah memainkan peranannya dan usaha ini tidak akan berkesan sepenuhnya jika dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada para pendidik di sekolah sahaja. Semua ahli masyarakat termasuk ibu bapa perlulah memainkan peranan mendidik serta mengukuhkan keimanan dan menerapkan nilai-nilai murni di kalangan anak-anak mereka. Apa yang diterapkan di peringkat sekolah sewajarnya dikembangkan di rumah dan seterusnya dalam masyarakat. Janganlah terlalu cepat menuding jari menyalahkan kegagalan sistem pendidikan setiap kali berlaku kes salah laku di kalangan remaja kerana semua lapisan masyarakat, termasuk pemimpin masyarakat, ahli politik, pertubuhan bukan kerajaan dan tokoh-tokoh agama bertanggungjawab dalam menangani kemelut ini.

Adalah keterlaluan juga rasanya untuk mengandaikan sekolah adalah tempat membiaknya gejala sosial seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Sungai Petani. Saya harap ini adalah pandangan peribadi beliau semata-mata dan tidak berasaskan kepada mana-mana kajian. Perlu ditegaskan bahawa kes-kes yang dilaporkan dalam media-massa berlaku di luar kawasan dan pengawasan sekolah. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan bersikap lepas tangan, sebaliknya telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasinya. Antaranya, memberi nasihat, amaran dan maklumat serta memanggil ibu bapa atau penjaga untuk berbincang, khidmat kaunseling secara berterusan, program-program pendidikan, pencegahan dadah serta menubuhkan Jawatankuasa Pencegahan Dadah peringkat sekolah, daerah dan negeri.

Kementerian Pendidikan juga mengalu-alukan kerjasama dengan pihak-pihak luar seperti ibu bapa, pertubuhan masyarakat dan juga pihak polis. Memang tepat sekali saranan Yang Berhormat dari Batang Lupar agar PIBG meluaskan skop peranan mereka seperti mengadakan seminar keibubapaan.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji semula peraturan-peraturan serta fungsi PIBG sesuai dengan perubahan-perubahan semasa. Penubuhan....

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya sistem pembesar suara ini 'mahal' tetapi tidak guna. *[Pembesar suara rosak]*

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Press! Press!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak nyala ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Menghabiskan belanja di sini, sistem ini yang lebih mahal, tetapi tidak berkesan. Sepatutnya ada satu siasatan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat hendak tujuan soalan ini kepada siapa?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** *[Ketawa]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Kepada Dewan yang mulia ini .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukan kepada....

**Tuan Lim Kit Siang:** Kepada Tuan Yang di-Pertua pun.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan .....

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Next one!

**Tuan Lim Kit Siang:** Next one, okay.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak apa, boleh dengar Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak boleh, tetapi malulah ini.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Saya punya boleh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa sistem ini lebih .....

**Seorang Ahli:** Saya punya boleh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Okay, Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada menafikan bahawa gejala sosial akibat daripada kegagalan sistem pendidikan. Kenapa mahu membuat macam ini, bukankah yang pertama ada masalah gejala sosial di antara kalangan belia kita dan satu masalah yang sangat serius dan ini akibat daripada kegagalan sistem pendidikan ialah kegagalan sekolah, kegagalan rumah dan kegagalan masyarakat. Ketiga-tiga aspek ini dan dengan pengakuan ini barulah kita boleh menangani isu ini. Kalau sekolah atau sistem pendidikan menafi bukan kegagalan sekolah ini oleh kerana ada peranan yang perlu dimainkan oleh rumah, oleh masyarakat, tetapi rela kerjasama dengan rumah dan masyarakat. Ini bukan sebenarnya 'address issue'. Bukankah lebih mustahak bahawa sistem pendidikan mengakui itulah 'kegagalan sistem pendidikan', oleh kerana 'created education' tidak berjaya untuk ditanamkan di kalangan pelajar-pelajar, tetapi bukan kegagalan sekolah sahaja, termasuk kegagalan rumah dan masyarakat dan satu usaha prihatin perlu diadakan.

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Saya harap Yang Berhormat dari Tanjong cuba faham baik-baiklah ayat yang saya baca ini. Kita menerima hakikat masalah ini, tetapi tidak bolehlah di'narrow down' ataupun dijuruskan, dipusatkan pemikiran itu kepada dasar ataupun sistem pendidikan kita. Saya tidak lebih daripada mengatakan bahawa kita jangan cepat sangat hendak menuding jari kepada pihak sekolah. Saya cuma kata masalah sekarang ini tidak boleh dijadikan bukti kegagalan sistem pendidikan, itu sahaja yang saya kata. Saya tidak nafikan masalah ini, kewujudan masalah ini - saya mengakui, tetapi seperti Yang Berhormat kata tadi ini bukan masalah sekolah sahaja, ini masalah kita semua. Itu yang saya kata. Tetapi hendak 'hit on' sistem pendidikan itu sebagai yang menjadi persoalan, sama ada kejayaan ataupun kegagalan, itu saya fikir tidak berapa munasabah. Kita accept the fact - masalah itu ada dan kita cari jalan sama-samalah termasuk Yang Berhormat sendiri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu teruskan satu soalan, [*pembesar suara rosak*] .....tetapi sistem suara .....

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tidak payah tanya lagilah. Okay ya. Baik.

Kementerian Pendidikan juga mengalu-alukan kerjasama dengan pihak luar seperti ibu bapa, pertubuhan masyarakat dan pihak polis. Memang

penubuhan Briged Komuniti adalah satu contoh lagi bahawa pihak sekolah sentiasa mahu berkerjasama dengan masyarakat luar demi kebaikan anak-anak watan kita. Sepertimana semua Ahli Yang Berhormat telah maklum, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Polis telah menubuhkan Jawatankuasa Disiplin dan Permuafakatan bagi membanteras masalah sosial di kalangan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, isu kekurangan kemudahan pendidikan di luar bandar telah ditimbulkan beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Antara yang membangkitkan kali ini ialah Yang Berhormat dari Tuaran, Yang Berhormat dari Yan, Yang Berhormat dari Bandau, Yang Berhormat dari Tawau dan Yang Berhormat dari Keningau. Oleh kerana perkara ini dibangkitkan hampir sama dan kebanyakannya telah diberikan penjelasan, ada baiknya saya jawab secara umum sahaja. Kementerian Pendidikan memang mempunyai hasrat untuk menggerakkan semua sekolah ke arah kecemerlangan. Dan ini bermakna perlu disediakan dengan kemudahan asas seperti guru, peralatan yang canggih dan terkini. Walau bagaimanapun, untuk menyediakan semua kemudahan tersebut dalam tempoh yang singkat memerlukan kos yang tinggi. Oleh itu pembekalan peralatan canggih seperti komputer di sekolah-sekolah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan dalam pakej-pakej tertentu.

Bagi sekolah yang tidak mempunyai prasarana seperti bekalan elektrik dan air, Kementerian Pendidikan mempunyai perancangan dan strategi tertentu, antaranya melaksanakan konsep model balik, di mana murid tahap dua beberapa buah sekolah, terutama sekolah luar bandar ditempatkan di sebuah sekolah induk, dengan itu kerajaan dapat menyalurkan segala kemudahan di sesuatu tempat tertentu. Strategi ini dianggap terbaik kerana bukan sahaja kerajaan dapat menjimatkan kos tetapi dalam masa yang sama dapat meningkatkan penggunaan peralatan tersebut dan lebih ramai pelajar berpeluang memanfaatkannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong bangun.

**Tuan Lim Kiat Siang [Tanjong]:** [*Pembesar suara tidak berfungsi*]

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, bagi pihak Kementerian Pendidikan untuk setiap mesyuarat Parlimen, kemukakan satu laporan mengenai kemajuan dalam usaha untuk

membekalkan electricity kepada 1,726 buah sekolah dalam negara kita yang tidak ada electricity atau ada electricity yang terhad untuk menunjukkan bahawa kita sangat prihatin dalam perkara ini dan supaya ada infrastruktur yang minimum, macam dalam Dewan ini, ada power tapi tak ada sistem. Mungkinkah oleh kerana ini mengganggu proceeding Dewan yang mulia ini, discourage, minta penjelasan. Bolehkah saya harap, Dewan yang mulia ini, besok siasat apa yang berlaku, sudah dua minggu di belakang ini semua tak boleh berdiri untuk bercakap oleh kerana tidak ada sistem suara, apa yang berlaku?. Berapa sudah dibelanjakan kenapa lebih banyak dibelanjakan, tetapi lebih tak ada sistem. Ini satu isu public interest. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri, besok kita boleh dapat satu laporan kepada Dewan, kepada negara. Kalau tidak, sangat malulah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya rasa soal kerosakan sistem siaraya ini tetap akan ditangani dengan seelok mungkin oleh Urusetia Parlimen dan itu bukan dalam bidang kuasa Kementerian Pendidikan. [Ketawa].

**Tuan Lim Kiat Siang:** Tidak ada dalam bidang kuasa, tetapi oleh kerana ada sekolah, tak ada kuasa. Tetapi Parlimen ada kuasa tapi tak ada sistem. [Ketawa].

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ini laporan kemajuan ini, rutinelah, Yang Berhormat, takkan Yang Berhormat tak tahu. Ini simple process, saya sudah katakan kita ada perancangan kita dan report ini sentiasa boleh didapati tapi kalau Yang Berhormat fikir saya nak kena beri treatment kepada Yang Berhormat seperti budak sekolah, okay saya bagi, saya boleh bagi pada Yang Berhormat seorang tak apa. Ya, boleh, tak ada masalah, kalau Yang Berhormat nak jadi budak sekolahlah, tapi saya memandangkan Yang Berhormat ini sebagai Ketua Pembangkang, bukankah begitu?.

**Tuan Lim Kiat Siang:** Penjelasan, You 'budak Timbalan Menteri!!

**Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd. Yunus:** Ha?

**Tuan Lim Kit Siang:** You 'budak Timbalan Menteri' [Ketawa] Ha, kalau mahu saya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang:** .....Yang Berhormat sebagai 'budak Timbalan Menteri', saya pun boleh buat begitu!

**Seorang Ahli:** Ho lah, ho lah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat jangan sebut nama ahli yang lain. Bersabar!

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus:** Saya cakap baik-baik.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa cakap baik-baik?

**Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd Yunus:** Baik. Mahu gaduh luar, gaduhlah, jangan dalam gaduhlah. [Ketawa].

Jadi saya kata tadi, ini biasalah, laporan kemajuan ini ada mengikut progres atau kemajuan pelaksanaan kita dan semua Ahli Yang Berhormat boleh mengikut laporan kemajuan itu yang ada dari masa ke semasa. Tapi pokoknya, kalau Yang Berhormat dari Tanjong rasa bersungguh-sungguh hendak menyelesaikan masalah ini, kami di Kementerian Pendidikan ini, kami dalam Barisan Nasional ini lagi nak bagi selesai, kalau boleh besok pagi, tau tak?. Tapi tak boleh, Yang Berhormat. Faham tak?.

Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong bangun.

**Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd Yunus:** Okay, apa bendanya?.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya bukan kata selesai besok, tetapi ada satu rancangan kilat, tahun 2000 semua sekolah ada kuasa, tak boleh. Lain-lain negara ada program tahun 2000 semua sekolah ada Internet, kita kata kita mahu menjadi pelopor bila information technology? Kita mahu soal. Apa yang kita minta, satu program di mana semua sekolah pada tahun 2000 ada kuasa, adakah ini impossible?. Kalau itu impossible, Multimedia Super Corridor lebih impossible bukan? Itu simple sahaja.

**Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd Yunus:** Yang Berhormat cakap senanglah, tapi Yang Berhormat kena ingat suasana negara kita ini macam mana, geographical factor macam mana. Yang Berhormat tahukah mana Sekolah Kebangsaan Hulu Tembeling, tahu? Ha, Yang Berhormat tahukah mana sekolah yang di hulu-hulu ni?. Kita sedar kita ada lebih kurang 2000 sekolah yang kita iktirafkan sebagai sekolah kecil, bermakna sekolah kurang murid, maknanya murid di tiap-tiap sekolah kecil ini seramai 150 orang. Yang Berhormat nampak yang itu sahaja. Kejayaan kita sudah buat ini, langsung Yang Berhormat tak hendak sebut, tak

baiklah macam ini. 'Be fair' lah!. Yang betul, kata betullah, we are very much aware of the problem.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak boleh dengar, tak ada sistem. Tak boleh dengar.

**Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd Yunus:** Mana pula, saya punya sistem jalan ni. Saya punya sistem sentiasa jalan. [*Ketawa*].

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Dia punya sistem tak jalan!.

**Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd. Yunus:** Dia punya sistem tak jalan. Ha, Ini tak ada guna punya sistem .

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya takut pendengaran beliau itu 'selective juga'. [*Ketawa*].

**Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd Yunus:** Ha, baiklah, saya teruskan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong, Yang Berhormat dari Santubong dan Yang Berhormat dari Beaufort telah memilih isu masalah bekalan elektrik di sekolah-sekolah. Memanglah menjadi hasrat Kementerian

Pendidikan seboleh mungkin, ha cuba dengar dulu, tak habis lagi, ada rupanya di bawah ni. Memanglah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan seboleh mungkin membekalkan semua sekolah dengan bekalan elektrik sesuai dengan program literasi komputer dan teknologi maklumat di sekolah-sekolah. That is our dream, you know, our cita-cita. Tapi.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tahun 3,000 atau tahun 2,000?

**Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd Yunus:** Doesn't matter, we do it. Yang Berhormat dengar dululah. Apa nak ganggu-ganggu ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, hari sudah suntuk Yang Berhormat. [*Ketawa*]. Yang Berhormat diminta sambung besok.

Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang besok.

*Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.*